




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vi
BAHAGIAN I: PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
Penarafan Indeks Akauntabiliti Terhadap Penyediaan Dan Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan	2
BAHAGIAN II: ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	38
BAHAGIAN III: RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9)	39
BAHAGIAN IV: PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/ AGENSI NEGERI	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	42
Objektif Pengauditan	43
Skop Dan Kaedah Pengauditan	43
Penemuan Audit	44
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan	54
Rumusan Dan Syor	55
BAHAGIAN V: PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM	
Pendahuluan	57
Pengauditan Penyata Kewangan	57
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	57

PERKARA	MUKA SURAT
Persijilan Penyata Kewangan	58
Pembentangan Penyata Kewangan	59
Prestasi Kewangan	60
BAHAGIAN VI: TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	
Pendahuluan	
Pengurusan Kewangan Perbendaharaan Negeri	64
Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri	64
Pengurusan Kewangan Agensi Negeri	66
Pengurusan Syarikat Subsidiari	72
	79
BAHAGIAN VII: PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Audit	81
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	81
PENUTUP	83
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	84
II Lembaran Imbangan	85
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	86
IV Penyata Akaun Memorandum	87
V Penyata Akaun Hasil Disatukan	88
VI Nota Kepada Akaun	89

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Mulai tahun ini, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Indeks Akauntabiliti terhadap pengauditan penyata kewangan Kerajaan Negeri. Selain menentukan gambaran kedudukan benar dan saksama terhadap kedudukan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan satu inovasi dengan menetapkan penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam pengesahan penyata kewangan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan dan tidak memuaskan.

1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan – Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 483 baucar bayaran bernilai RM59.12 juta, sebanyak 749 penyata pemungut bernilai RM25.54 juta dan 328 baucar jurnal bernilai RM403.89 juta.

3. Laporan ini dibahagikan kepada 7 Bahagian seperti berikut:

- BAHAGIAN I** - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007
- BAHAGIAN II** - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri
- BAHAGIAN III** - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri
- BAHAGIAN IV** - Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
- BAHAGIAN V** - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam
- BAHAGIAN VI** - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri
- BAHAGIAN VII** - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu diminta melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.

- b) *INTEREST* – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
- c) *KNOWLEDGE* – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas pegawai/kakitangan perlu dilaksanakan secara berterusan.
- d) *ATTITUDE* – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sense of responsibility*).
- e) *PROCEDURE* – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya
6 Jun 2008

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2007 telah disediakan dengan baik. Pada keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Kedudukan baki wang tunai telah meningkat dari RM100.19 juta pada tahun 2006 kepada RM168.26 juta pada tahun 2007 atau peningkatan 68%. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri tahun 2007 juga menunjukkan peningkatan baki Kumpulan Wang Disatukan sejumlah RM67.99 juta atau 55% kepada RM191.62 juta berbanding RM123.63 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini antara lain adalah disebabkan oleh peningkatan Akaun Amanah Disatukan. Selain itu, walaupun Akaun Hasil Disatukan mengalami penurunan berterusan sejak tahun 2003, pada tahun 2007 Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan defisit Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM4.94 juta atau 19.6% kepada RM20.32 juta berbanding RM25.26 juta pada tahun 2006. Kerajaan Negeri perlu terus mengamalkan perbelanjaan berhemat dan hendaklah berusaha memungut tunggakan hasil berjumlah RM58.85 juta dan menuntut bayaran balik pinjaman daripada agensi berjumlah RM365.92 juta.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pada tahun 2007 sebanyak 178 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 8 Jabatan/Agensi. Pada keseluruhannya sebanyak 161 atau 90.4% daripada 178 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM81.65 juta atau 83.8% daripada peruntukan tahun 2007 berjumlah RM97.40 juta telah dibelanjakan oleh 8 Jabatan sehingga Disember 2007.

BAHAGIAN IV - INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada tahun 2007, indeks akauntabiliti pengurusan kewangan telah dijalankan di 6 buah Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kerja Raya, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam dan Majlis Daerah Jelevu. Pada keseluruhannya tahap prestasi pengurusan kewangan bagi semua Pejabat/Jabatan/Agensi adalah pada tahap baik.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM

5. Pada tahun 2007, penyerahan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri Sembilan adalah baik. Semua Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dapat menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2006 masing-masing untuk diaudit. Sebanyak 17 penyata kewangan telah dikeluarkan Sijil Audit iaitu 15 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 2 penyata kewangan telah diberi Sijil Berteguran. Pada tahun 2007, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 13 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri manakala penyata kewangan tahun 2006 bagi Majlis Agama Islam masih belum dibentangkan.

BAHAGIAN VI - TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

6. Pada tahun 2007, pengauditan susulan telah dijalankan terhadap pengurusan kewangan di 8 Jabatan/Agensi yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Tindakan susulan adalah untuk memastikan Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan telah mengambil tindakan terhadap syor Audit bagi mempertingkatkan lagi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi. Semakan Audit mendapati kebanyakan Jabatan/Agensi telah mengambil tindakan terhadap syor Audit.

BAHAGIAN VII - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

7. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 30 November 2007. Sepanjang tahun 2007, mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah diadakan sebanyak 2 kali dan membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 bagi pengurusan kewangan Jabatan Bekalan Air dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 bagi pengurusan kewangan Pejabat Perbendaharaan Negeri.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. PENDAHULUAN

1.1 Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Ketua Audit Negara pada **29 Februari 2008**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan kewangan asas tunai bagi tahun 2007 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan (Nota Kepada Akaun).

1.2.1 Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3 Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Wang Deposit Berkanun dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.3 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.4 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

2.1 Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2007 selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VI.**

3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI TERHADAP PENYEDIAAN DAN PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Selain memberi pendapat mengenai gambaran yang benar dan saksama terhadap pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam penyata kewangan untuk menentukan tahap penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Penilaian ini meliputi peringkat interim dan muktamad.

3.1 PERINGKAT INTERIM

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan melalui ujian terhadap terimaan, pembayaran, baucar jurnal dan penyata bulanan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Penilaian telah dilaksanakan terhadap butiran seperti berikut:

3.1.1 Terimaan

Penilaian terimaan terhadap akaun tunai bulanan, penyata pemungut, penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan).

3.1.2 Pembayaran

Penilaian pembayaran terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), penyata penyesuaian perbelanjaan dan pindahan dana elektronik.

3.1.3 Baucar Jurnal

Penilaian terhadap penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

3.1.4 Penyata Bulanan SPEKS

Penilaian terhadap penyata bulanan SPEKS yang berkaitan dengan wang tunai, akaun perbelanjaan, akaun hasil dan akaun amanah.

3.2 PERINGKAT MUKTAMAD

Di peringkat muktamad, penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persembahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

Pada pendapat Audit, penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

BAHAGIAN II ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis berkaitan meliputi Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam.

4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1 Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM191.62 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM168.26 juta dan pelaburan sejumlah RM23.36 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	115.34	95.02	(20.32)	17.6
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	60.78	0.00	(60.78)	100.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	(52.49)	96.60	149.09	284.0
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	(259.73)	(229.78)	29.95	11.5
	- <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(205.19)	(190.69)	14.50	7.0
	- <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	104.64	120.09	15.45	14.5
	- <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	(159.18)	(159.18)	0.00	0.0
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	95.53	239.57	144.04	150.8
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	76.08	69.90	(6.18)	8.1
	<i>iv) Akaun Kena Bayar</i>	35.62	16.91	(18.71)	52.5
	Jumlah	123.63	191.62	67.99	55.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis Audit terhadap kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2007 berbanding 2006 mendapati perkara berikut:

- a) Penurunan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM20.32 juta atau 17.6% disebabkan oleh hasil air berjumlah RM123.36 juta diakaunkan ke Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan.
- b) Penurunan Akaun Pinjaman Disatukan sejumlah RM60.78 juta atau 100% disebabkan oleh semua baki pinjaman telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Bekalan Air.
- c) Peningkatan Kumpulan Wang Amanah Awam sejumlah RM144.04 juta atau 150.8% akibat wujudnya 8 akaun amanah yang baru.
- d) Penurunan Akaun Kena Bayar sejumlah RM18.71 juta atau 52.5% akibat prosedur pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari.


4.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2** dan di **Carta 1**.

Jadual 2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	235.04	187.54	140.59	115.34	95.02
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	34.93	34.58	52.84	60.78	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	(96.87)	(121.66)	101.11	(52.49)	96.60
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	(243.20)	(285.93)	(320.91)	(259.73)	(229.78)
	- <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(136.30)	(191.23)	(224.79)	(205.19)	(190.69)
	- <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	39.68	41.18	47.87	104.64	120.09
	- <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	(146.58)	(135.88)	(143.99)	(159.18)	(159.18)
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	63.09	89.66	89.25	95.53	239.57
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	55.21	52.95	57.08	76.08	69.90
	<i>iv) Akaun Kena Bayar</i>	28.03	21.66	275.70	35.62	16.91
Jumlah		173.10	100.46	294.54	123.63	191.62

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Carta 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis Audit terhadap kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 mendapati perkara berikut:

- a) Kumpulan Wang Disatukan mencatat prestasi tertinggi pada tahun 2005 dengan jumlah RM294.54 juta.
- b) Akaun Hasil Disatukan mengalami penurunan berterusan sejak tahun 2003. Penurunan tertinggi dicatatkan pada tahun 2005 berbanding 2004, iaitu sejumlah RM46.95 juta atau 25%.
- c) Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2007 berbaki sifar disebabkan oleh pengkelasan semula akaun ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Bekalan Air.
- d) Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami peningkatan berjumlah RM67.99 juta atau 55% iaitu daripada RM123.63 juta pada tahun 2006 menjadi RM191.62 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan Akaun Amanah Disatukan.

4.2 WANG TUNAI

4.2.1 Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada wang tunai dengan bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam tangan pada 31 Disember. Wang tunai dengan bank terdiri daripada baki Akaun Semasa dan baki akaun lain yang dikhaskan untuk tujuan tertentu, wang tunai dalam perjalanan iaitu wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember. Manakala wang tunai dalam tangan terdiri daripada panjar wang runcit.

4.2.2 Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan peningkatan berjumlah RM68.07 juta atau 67.9% kepada RM168.26 juta berbanding RM100.19 juta pada tahun 2006. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006


Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	90.83	163.01	72.18	79.5
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	9.32	5.22	(4.10)	(44.0)
3.	Panjar Wang Runcit	0.04	0.03	(0.01)	(25.0)
Jumlah		100.19	168.26	68.07	67.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Peningkatan baki wang tunai bagi tahun 2007 sejumlah RM68.07 juta atau 67.9% berbanding tahun 2006 adalah disebabkan oleh dasar perbelanjaan berhemat yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Akibatnya kedudukan baki wang tunai dalam bank telah meningkat sejumlah RM72.18 juta atau 79.5%. Peningkatan tersebut antaranya disebabkan oleh terimaan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM24.7 juta yang telah diterima pada tahun 2007 tetapi belum dibelanjakan. Kerajaan Negeri menyimpan wang tunai dalam bentuk simpanan tetap berjumlah RM105 juta di 14 buah bank tempatan.

4.2.3 Baki wang tunai bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Kedudukan Baki Wang Tunai Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis trend terhadap kedudukan Wang Tunai Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 mendapati perkara berikut:

- Kedudukan wang tunai mencatat prestasi tertinggi pada tahun 2005 dengan jumlah RM294.54 juta.
- Wang tunai dalam bank menunjukkan prestasi paling rendah iaitu –RM37.47 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, pada tahun 2006 kedudukan wang tunai dalam bank bertambah baik seterusnya mencatatkan prestasi tertinggi pada tahun 2007 dengan jumlah RM163.01 juta.
- Baki wang tunai bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 mengalami peningkatan daripada sejumlah RM37.58 juta kepada RM168.26 juta. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan wang tunai dalam bank.

4.3 PELABURAN

Seksyen 8 Akta Prosedur Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjuk dalam Lembaran Imbangan manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum.

4.3.1 Pada akhir tahun 2007 pelaburan saham Kerajaan Negeri dalam Lembaran Imbangan berjumlah RM23.35 juta berbanding RM23.44 juta pada tahun 2006. Sebanyak 3 daripada 4 saham milik Kerajaan Negeri yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan berjumlah 7.24 juta unit bernilai RM22.90 juta telah dicagarkan

kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen bagi membiayai pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM250 juta pada tahun 2005. Saham yang dicagarkan ialah Saham Malaysia Airports Holdings Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad. Kerajaan Negeri telah menerima dividen sejumlah RM8.45 juta daripada saham yang dicagarkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen.

4.3.2 Kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Kedudukan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006


Bil.	Pelaburan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Telekom Malaysia Berhad	3.85	3.85	0.00	0.0
2.	Tenaga Nasional Berhad	8.05	8.05	0.00	0.0
3.	Malaysia Airport Holding	11.00	11.00	0.00	0.0
4.	Amanah Saham Bank Islam	0.42	0.45	0.03	7.1
5.	Kumpulan Wang Amanah	0.12	0.00	(0.12)	(100.0)
Jumlah		23.44	23.35	(0.09)	(0.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Penurunan nilai pelaburan sejumlah RM0.09 juta adalah disebabkan oleh penjualan semula pelaburan dalam Kumpulan Wang Amanah oleh Kerajaan Negeri dan tambahan pelaburan di dalam Amanah Saham Bank Islam.

4.3.3 Kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 3**.

Carta 3
Kedudukan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis trend terhadap kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 mendapati perkara berikut:

- a) Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri terus mencatatkan peningkatan antara 0.2% hingga 0.3%.
- b) Pada tahun 2007 pelaburan saham menunjukkan penurunan sejumlah RM0.09 juta atau 0.4% berbanding tahun 2006.

4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2007 dengan defisit berjumlah RM20.32 juta. Jumlah defisit ini berkurangan sejumlah RM4.94 juta atau 19.6% berbanding RM25.26 juta pada tahun 2006. Pada keseluruhannya Akaun Hasil Disatukan berkurangan sejumlah RM20.32 juta menjadi RM95.02 juta atau 17.6% pada tahun 2007 berbanding RM115.33 juta pada tahun 2006. Pengurangan ini adalah disebabkan pada tahun 2007 hasil Jabatan Bekalan Air tidak lagi diakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan sebaliknya diakaunkan ke Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air Diperbadankan.

4.4.1 Hasil

Kerajaan Negeri Sembilan memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM251.28 juta iaitu berkurangan sejumlah RM89.91 juta atau 26.4% berbanding tahun 2006 berjumlah RM341.19 juta. Kekurangan hasil tersebut adalah disebabkan oleh hasil Jabatan Bekalan Air yang tidak lagi diakaunkan ke akaun Hasil Kerajaan Negeri. Jumlah hasil mengikut 3 kategori adalah seperti di **Jadual 5**.


Jadual 5
Pungutan Hasil Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Lebih/ (Kurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	100.63	109.35	8.72	8.7
2.	Hasil Bukan Cukai	195.69	88.01	(107.68)	(55.0)
3.	Terimaan Bukan Hasil	44.87	53.92	9.05	20.2
Jumlah		341.19	251.28	(89.91)	(26.4)

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan*

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2007, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada Cukai Tanah, Perkhidmatan Dan Bayaran, Perolehan Dari Jualan Barang-Barang, Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit dan Terimaan dari Agensi Kerajaan. Analisis terhadap trend 5 butiran penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 4**.

Carta 4
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis Audit terhadap kutipan hasil bagi tempoh 2003 hingga 2007 mendapati perkara berikut:

- a) Kutipan Hasil Cukai tanah mencatatkan peningkatan antara tahun 2004 hingga 2006. Pungutan hasil cukai tanah menunjukkan prestasi tertinggi pada tahun 2007 iaitu sejumlah RM102.94 juta.
- b) Kutipan hasil di bawah butiran Perkhidmatan dan Bayaran menunjukkan prestasi tertinggi pada tahun 2006 iaitu sejumlah RM135.15 juta. Bagaimanapun kutipan hasil ini berkurang sejumlah RM124.25 juta menjadi RM10.7 juta pada tahun 2007. Penurunan ketara ini adalah disebabkan oleh semua hasil air berjumlah RM123.36 juta telah diakaunkan ke Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan.
- c) Kutipan hasil di bawah butiran Perolehan Dari Jualan Barang-barang mencatatkan penurunan sejumlah RM19.58 juta atau 27.7% pada tahun 2004 berbanding tahun 2003. Bagaimanapun kutipan hasil ini menunjukkan peningkatan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007.

4.4.1.1 Peningkatan hasil ketara tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Tunggakan Cukai Tanah	10.75	14.86	4.11	38.2	Tindakan penguatkuasaan yang berkesan
2.	Premium Tanah	0.64	6.25	5.61	876.6	Pemberimilikan tanah
3.	Deposit Tidak Dituntut	0.00	2.41	2.41	100.0	Deposit tidak dituntut diwarta dan diakaunkan ke Akaun Hasil
Jumlah		11.39	23.52	12.13	106.5	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.4.1.2 Pengurangan hasil yang ketara tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah disebabkan semua hasil air telah diakaunkan ke Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Penurunan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil		Penurunan	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bayaran Upah Kerja JBA	1.31	0.00	1.31	(100)
2.	Sumbangan Bekalan Air	4.62	0.00	4.62	(100)
3.	Jualan Air JBA	114.61	0.00	114.61	(100)
Jumlah		120.54	0.00	120.54	(100)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Bekalan, Pemilikan Harta Modal, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Pelbagai Perbelanjaan. Perbelanjaan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2007 ialah RM279.25 juta. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM18.88 juta dan menjadikan peruntukan muktamad bagi tahun 2007 berjumlah RM298.13 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus ini telah berkurang sejumlah RM85.83 juta atau 22.3% kepada RM298.13 juta pada tahun 2007 berbanding RM383.96 juta pada tahun 2006. Daripada jumlah RM298.13 juta ini, sejumlah RM271.60 juta atau 91.1% telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah berkurang sejumlah RM94.86 juta atau 25.9% kepada RM271.60 juta pada tahun 2007 berbanding RM366.46 juta pada tahun 2006. Pengurangan ini adalah disebabkan perbelanjaan mengurus di bawah butiran Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap berkurang kepada RM112.40 juta pada tahun 2007 berbanding RM222.19 juta pada tahun 2006. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 dan 2007 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	72.35	79.74	7.39	10.2
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	63.40	71.99	8.59	13.5
3.	Aset	5.43	6.37	0.94	17.3
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	222.20	112.40	(109.80)	(49.4)
5.	Perbelanjaan Lain	3.08	1.10	(1.98)	(64.3)
Jumlah		366.46	271.60	(94.86)	25.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.4.2.1 Hasil semakan Audit menunjukkan 3 butiran perbelanjaan mengalami peningkatan perbelanjaan ketara antara 10% hingga 17%. Butiran perbelanjaan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Peningkatan Perbelanjaan Ketara Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	72.35	79.73	7.38	10.2	Pelarasan gaji tahun 2007.
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	63.40	71.99	8.59	13.5	Pertambahan perbelanjaan ini tidak dapat dielakkan berikutan dengan kenaikan harga bahan bakar serta Sambutan Jubli Emas Kemerdekaan Negara ke 50.
3.	Aset	5.43	6.37	0.94	17.3	Pembelian aset bagi mengganti aset yang telah dilupuskan dan pembelian aset baru.
Jumlah		141.18	158.09	16.91	11.9	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.4.2.2 Analisis selanjutnya mendapati 2 butiran perbelanjaan yang lain mengalami penurunan perbelanjaan ketara antara 49% hingga 64%. Analisis penurunan perbelanjaan tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Penurunan Perbelanjaan Ketara Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan		Penurunan		Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	222.20	112.40	(109.80)	(49.4)	Pembayaran hutang Kerajaan Negeri dan pencen anggota pentadbiran.
2.	Perbelanjaan Lain	3.08	1.10	(1.98)	(64.3)	Pelaksanaan langkah berjimat cermat oleh pegawai pengawal.
Jumlah		225.28	113.50	(111.78)	(49.6)	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.4.2.3 Analisis perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 11**.


Jadual 11
Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Perbelanjaan Mengurus	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Emolumen	60.90	62.66	67.36	72.35	79.74
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	44.28	48.35	56.76	63.40	71.99
3.	Aset	5.74	2.77	8.96	5.43	6.37
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	117.42	138.53	94.45	222.20	112.40
5.	Pelbagai Perbelanjaan	0.89	0.94	6.06	3.08	1.10
Jumlah		229.23	253.25	233.59	366.46	271.60

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.4.2.4 Trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 5**.

Carta 5
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis trend terhadap kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 mendapati peningkatan daripada sejumlah RM229.23 juta kepada RM271.60 juta. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta aset.

4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran balik pinjaman diakaunkan. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957.

4.5.1 Akaun Pinjaman Disatukan adalah untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Pada akhir tahun 2007, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar berbanding RM60.78 juta pada tahun 2006. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2007 berbanding 2006 adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006	2007	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)		
Baki 1 Januari	52.84	60.78	7.94	15.0
Terimaan	56.56	150.91	94.35	166.8
Bayaran	48.62	211.69	163.07	335.4
Baki Pada 31 Disember	60.78	0.00	(60.78)	(100.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Penurunan Akaun Pinjaman Disatukan adalah disebabkan oleh pinjaman berjumlah RM150.91 juta yang diterima pada tahun 2007 dan pindahan berjumlah RM211.69 juta ke Akaun Amanah Bekalan Air dan Kumpulan Wang Pembangunan, yang masing-masingnya berjumlah RM140.32 juta dan RM71.37 juta. Pindahan berjumlah RM140.32 juta ke Akaun Amanah Bekalan Air didapati tidak selaras dengan kehendak Piawaian Perakaunan Kerajaan 5 di mana semua pinjaman yang diterima untuk tujuan pembangunan hendaklah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

4.5.2 Kedudukan baki pinjaman mengikut kategori pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Baki Pinjaman Mengikut Kategori Pada Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006	2007	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)		
1.	Rancangan Bekalan Air	1,196.75	1,337.07	140.32	11.7
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	114.99	114.01	(0.98)	(0.9)
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	32.86	32.86	0.00	0.0
4.	Pelbagai	340.99	363.02	22.03	6.5
5.	Projek Ladang Hutan	2.15	1.88	(0.27)	(12.5)
Jumlah		1,687.74	1,848.84	161.10	9.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.5.3 Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman baru berjumlah RM150.91 juta pada tahun 2007. Sejumlah RM140.32 juta merupakan pinjaman bagi projek Bekalan Air manakala RM10.59 juta bagi pinjaman Pelbagai. Semakan Audit mendapati terimaan pinjaman ini diakaunkan ke Akaun Amanah Awam. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Pinjaman Yang Diterima Oleh Kerajaan Negeri Pada Tahun 2007

Bil.	Pinjaman	Jumlah (RM Juta)	Bil. Projek Terlibat	Nama Projek
1.	Bekalan Air	140.32	8	i) Projek Bina/Pasang Loji/Kolam Takungan Dan Paip Utama PD/Lukut. ii) Projek Bekalan Air Fasa 1, Jelebu. iii) Projek Bekalan Air Batu Hampar, Rembau. iv) Pemindahan Air dari Sg. Muar Ke Empangan Talang Kuala Pilah. v) Projek Skim Bekalan Air Triang Daerah Seremban. vi) Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil. vii) Skim Bekalan Air Batu Hampar Daerah Port Dickson Dan Rembau. viii) Sistem Agihan Ke Koridor Pembangunan Seremban Barat Dan Selatan.
2.	Pinjaman Pelbagai	10.59	1	Membaikpulih Istana-istana Milik Kerajaan Negeri Sembilan.
Jumlah		150.91	9	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.5.4 Kedudukan baki pinjaman bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Kedudukan Baki Pinjaman Kerajaan Negeri
Daripada Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,097.91	1,136.73	1,185.73	1,196.75	1,337.07
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	110.52	110.10	115.05	114.99	114.01
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	34.13	32.61	32.86	32.86	32.86
4.	Pelbagai	50.15	58.08	308.08	340.99	363.02
5.	Projek Ladang Hutan	2.89	2.65	2.53	2.15	1.88
Jumlah		1,295.60	1,340.17	1,644.25	1,687.74	1,848.84

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.5.5 Pada akhir tahun 2007 bayaran balik pinjaman berjumlah RM15.22 juta telah dibuat bagi 17 pinjaman. Bayaran balik pinjaman ini terdiri daripada bayaran balik pokok berjumlah RM1.70 juta dan bayaran balik faedah berjumlah RM13.52 juta. Manakala tiada bayaran balik dibuat terhadap 69 pinjaman yang lain.

4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak

Arahan Amanah dan suratcara amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Akaun ini ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit.

4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

a) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diakaunkan ke Akaun Amanah Disatukan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian dan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan serta terimaan bayaran balik pinjaman dari Agensi Kerajaan. Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

i) Pada akhir tahun 2007, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan baki defisit berjumlah RM190.69 juta. Bagaimanapun defisit ini berkurang sejumlah RM14.50 juta atau 7.1% berbanding defisit berjumlah RM205.19 juta pada tahun 2006. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 16**. Penurunan defisit berjumlah RM14.50 juta ini adalah disebabkan oleh terimaan Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2007 berkurangan sebanyak RM4.71 juta atau 4.3%. Sumber terimaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan
Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(224.79)	(205.19)	19.60	8.7
Terimaan	110.80	106.09	(4.71)	(4.2)
Perbelanjaan	91.20	91.59	0.39	0.4
Lebihan/(defisit)	19.60	14.50	(5.10)	(26.0)
Baki Pada 31 Disember	(205.19)	(190.69)	14.50	7.1

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan*

Jadual 17
Sumber Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan
Bagi Tahun 2007

Bil.	Sumber Terimaan	Jumlah Terimaan (RM Juta)
1.	Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	33.21
2.	Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	50.00
3.	Pemberian Pertumbuhan Hasil Bahagian II	0.97
4.	Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	18.50
5.	Sewa Rumah Awam Kos Rendah	3.41
Jumlah		106.09

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- ii) Analisis terhadap perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 menunjukkan 6 maksud perbelanjaan pembangunan yang melibatkan 3 jabatan mengalami peningkatan perbelanjaan antara 26.7% hingga 167.5%. Manakala sebanyak 7 jabatan mengalami penurunan perbelanjaan antara 7.5% hingga 100%. Analisis peningkatan perbelanjaan pembangunan adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Kedudukan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Jabatan	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan		Perbelanjaan		Peningkatan/ (Penurunan) Perbelanjaan	
			2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	P50	5.00	10.00	4.99	9.95	4.96	99.4
		P56	4.30	6.15	4.10	5.77	1.67	40.7
		P57	8.27	20.98	7.65	20.47	12.82	167.6
		P59	25.70	5.00	22.47	2.81	(19.66)	(87.5)
		P60	6.50	8.95	6.37	5.41	(0.96)	(15.1)
		P61	3.00	0.00	2.81	0.00	(2.81)	(100.0)
		P62	5.00	7.00	4.95	6.35	1.40	28.3
		P64	2.00	2.00	-	0.00	0.00	0.0
2.	Jabatan Pertanian	P51	5.00	5.80	4.70	4.35	(0.35)	(7.4)
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	P52	4.00	4.51	3.81	4.50	0.69	18.1
4.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	P53	0.40	0.33	0.40	0.33	(0.07)	(17.5)
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	P54	9.00	11.00	8.41	10.66	2.25	26.8
6.	Jabatan Kerja Raya	P55	10.14	14.20	9.73	9.28	(0.45)	(4.6)
7.	Jabatan Perhutanan	P58	1.15	3.00	1.15	2.81	1.66	144.3
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama	P63	11.00	10.47	9.64	8.91	(0.73)	(7.6)
Jumlah			100.46	109.40	91.18	91.60	0.42	0.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

iii) Semakan Audit mendapati 3 maksud perbelanjaan pembangunan yang melibatkan 2 jabatan mengalami peningkatan perbelanjaan antara 26.8% hingga 167.6% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Jabatan yang terlibat adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Projek Pelbagai dan Perkhidmatan Masyarakat masing-masing berjumlah RM20.47 juta dan RM9.95 juta serta Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM10.66 juta. Peningkatan perbelanjaan pembangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri antaranya adalah disebabkan oleh bayaran pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri kepada *Menteri Besar Incorporated* (MBI) bagi tapak Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri, stor Jabatan Kerja Raya Negeri Dan Daerah, Kompleks Mahkamah Syariah serta bayaran balik wang pendahuluan Kerajaan Pusat untuk pembinaan Perpustakaan Awam Negeri. Peningkatan perbelanjaan pembangunan Jabatan Pengairan Dan Saliran pula adalah antaranya disebabkan oleh perbelanjaan di bawah projek Rancangan Pengurusan Pantai dan Rancangan Pengairan Dan Saliran Pertanian. Butir-butir perbelanjaan pembangunan adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara
Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Maksud Perbelanjaan	Jabatan	Peruntukan		Perbelanjaan		Peningkatan Perbelanjaan	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
P57	Setiausaha Kerajaan Negeri (Pelbagai)	8.27	20.98	7.65	20.47	12.82	167.6
P50	Setiausaha Kerajaan Negeri (Perkhidmatan Masyarakat)	5.00	10.00	4.99	9.95	4.96	99.4
P54	Jabatan Pengairan Dan Saliran	9.00	11.00	8.41	10.66	2.25	26.8
Jumlah		22.27	41.98	21.05	41.08	20.03	95.1

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan*

iv) Dua maksud perbelanjaan pembangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengalami penurunan perbelanjaan yang ketara iaitu 87.4% hingga 100% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan peruntukan pada tahun 2007. Butir-butir perbelanjaan pembangunan adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara
Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Vot	Jabatan	Peruntukan		Perbelanjaan		Penurunan Perbelanjaan	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
P59	Setiausaha Kerajaan Negeri (Bangunan-bangunan Kerajaan)	25.70	5.00	22.47	2.81	(19.66)	(87.5)
P61	Setiausaha Kerajaan Negeri (Kemajuan Kawasan Perusahaan)	3.00	0.01	2.81	0.00	(2.81)	(100.0)
Jumlah		28.70	5.01	25.28	2.81	(22.47)	(88.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

b) Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 1960. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan. Pada tahun 2007, semua urusan mengenai bekalan air tidak lagi dibuat melalui Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air sebaliknya diakaunkan ke Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan. Kedudukan baki Kumpulan Wang ini bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air
Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(143.99)	(159.18)	(15.19)	(10.5)
Terimaan	149.41	0.00	(149.41)	(100.0)
Perbelanjaan	164.60	0.00	(164.60)	(100.0)
Lebihan/(defisit)	(15.18)	0.00	(15.18)	(100.0)
Baki Pada 31 Disember	(159.18)	(159.18)	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

c) Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barangan dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2007, jumlah Akaun Kena Bayar telah berkurangan sejumlah RM18.71 juta kepada RM16.91 juta berbanding RM35.62 juta pada tahun 2006. Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang terlibat adalah bayaran gaji bagi pegawai yang baru dilantik pada hujung tahun 2007, bayaran utiliti, perbelanjaan pembangunan, bekalan peralatan pejabat, penyenggaraan dan pembelian aset.

Analisis peningkatan dan penurunan perbelanjaan Akaun Kena Bayar tahun 2007 berbanding 2006 adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Jabatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau	0.02	0.51	0.49	2,450.0
2.	Pejabat Mufti Negeri	0.01	0.15	0.14	1,400.0
3.	Jabatan Perhutanan Negeri	0.06	0.61	0.55	916.7
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu	0.07	0.30	0.23	328.6
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol	0.04	0.15	0.11	275.0
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin	0.08	0.27	0.19	237.5
7.	Pejabat Kewangan Negeri	0.18	0.53	0.35	194.4
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	1.13	2.82	1.69	149.6
9.	Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas	0.13	0.31	0.18	138.5
10.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	0.18	0.38	0.20	111.1
11.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	0.22	0.41	0.19	86.4
12.	Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	0.30	0.53	0.23	76.7
13.	Jabatan Kerja Raya	3.70	2.43	(1.27)	34.3
14.	Jabatan Pertanian	0.58	0.76	0.18	31.0
15.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.02	0.02	0.00	0.0
16.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.02	0.02	0.00	0.0
17.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	1.43	0.97	(0.46)	(32.2)
18.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	3.10	1.52	(1.58)	(50.9)
19.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	10.09	4.09	(6.00)	(59.5)
20.	Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban	0.29	0.09	(0.20)	(68.9)
21.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah	0.27	0.04	(0.23)	(84.2)
22.	Jabatan Bekalan Air	13.70	0.00	(13.70)	(100.0)
Jumlah		35.62	16.91	(18.71)	(52.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Analisis Audit terhadap Akaun Kena Bayar mendapati perkara berikut:

- i) Sebanyak 6 jabatan telah berjaya mengurangkan pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar kerana telah membuat pembayaran dengan lebih cekap iaitu dalam tempoh 14 hari.
- ii) Sebanyak 5 jabatan mengalami peningkatan tertinggi pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar di antara 275% hingga 2,450%. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek pembangunan lewat diterima dan jabatan tidak dapat membuat pembayaran dalam tempoh 14 hari.

d) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka

dan Pelbagai. Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM15.44 juta atau 14.7% menjadi RM120.08 juta berbanding RM104.64 juta pada tahun 2006. Analisis terhadap 55 akaun Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mendapati 11 akaun kumpulan wang ini mengalami peningkatan. Bagaimanapun 5 akaun yang lain mengalami penurunan dan 2 akaun tidak aktif lagi. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Akaun Amanah	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	60.59	76.90	16.31	26.9
2.	Akaun Pinjaman	20.37	20.20	(0.17)	(0.8)
3.	Akaun Perniagaan	2.86	2.10	(0.76)	(26.6)
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	18.82	18.88	0.06	0.3
5.	Kumpulan Wang Luar Jangka	2.00	2.00	0.00	0.0
Jumlah		104.64	120.08	15.44	14.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

i) Kumpulan Wang Pusingan Rumah Awam Kos Rendah

Kumpulan Wang ini ditubuhkan pada tahun 1981 bagi maksud membiayai projek-projek Rumah Awam Kos Rendah. Pada akhir tahun 2007 baki akaun ini berjumlah RM1.15 juta iaitu berkurangan sejumlah RM0.06 juta berbanding RM1.21 juta pada tahun 2006.

ii) Akaun Amanah Kuota Bumiputra Bagi Pembangunan Perumahan, Perniagaan Dan Perindustrian

Akaun ini ditubuhkan pada tahun 1997 di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan Tahun 1957. Akaun ini diwujudkan bagi maksud menerima bayaran perkhidmatan daripada pemaju dalam bentuk bayaran pendaftaran dan komisyen daripada penjualan lot kuota bumiputera. Sumber dana permulaan adalah daripada sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM0.15 juta. Akaun ini diuruskan oleh Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan. Pada akhir tahun 2007 baki akaun ini meningkat sejumlah RM0.01 juta atau 1.3% kepada RM0.78 juta berbanding RM0.77 juta pada tahun 2006.

4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini mengakaunkan terimaan dari Kerajaan Persekutuan dan orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh

Perbendaharaan Negeri. Sebanyak 25 Akaun Amanah telah diwujudkan iaitu terdiri daripada 17 Akaun Amanah yang masih aktif dan 8 Akaun Amanah baru diwujudkan. Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM144.04 juta atau 150.8% kepada RM239.57 juta berbanding RM95.53 juta pada tahun 2006. Peningkatan yang ketara ini antaranya adalah disebabkan oleh mengwujudkan 8 akaun amanah baru berjumlah RM119.80 juta. Semakan Audit juga mendapati semua penyata amanah pada 31 Disember 2007 telah dikemukakan untuk diaudit. Akaun amanah yang ditubuhkan pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Kumpulan Wang Amanah Awam Yang Ditubuhkan Pada Tahun 2007

Bil.	Akaun Amanah	Jumlah (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Projek Pembaikan Dan Ubahsuai Istana, Kuarters	5.79
2.	Akaun Amanah Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri, Negeri Sembilan	19.65
3.	Akaun Amanah Bagi Membiayai Perpindahan Pejabat Menteri Besar	2.50
4.	Akaun Amanah Unit Penggalakkan Pelancongan Negeri Sembilan	0.38
5.	Akaun Amanah Urusan Peperiksaan Anjuran SPAM Di Seluruh Negeri Sembilan	0.04
6.	Akaun Amanah Menambah Kapasiti Sistem Pam Di Bukit Mendum, Seremban	22.20
7.	Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan	0.71
8.	Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air (Pembangunan)	68.53
Jumlah		119.80

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

a) Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalanraya Negeri

Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalanraya Negeri ditubuhkan melalui ketetapan Dewan Undangan Negeri iaitu di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Sumber kewangan akaun ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Akaun Amanah ini digunakan untuk membiayai kos penyelenggaraan semua jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Pada tahun 2007 sejumlah RM55.63 juta bagi maksud pemberian jalan raya negeri telah diakaunkan ke akaun ini. Baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM13.74 juta atau 33.8% menjadi RM54.40 juta pada tahun 2007 berbanding RM40.66 juta pada tahun 2006 disebabkan tambahan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi pembayaran gaji kakitangan berikutan semakan semula gaji yang dilaksanakan pada tahun 2007. Kedudukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Kedudukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri
Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Jabatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	36.21	40.66	4.45	12.3
Terimaan	61.44	95.10	33.66	54.8
Bayaran	56.99	81.36	24.37	42.8
Baki Pada 31 Disember	40.66	54.40	13.74	33.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Baki akaun ini bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Kedudukan Baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007

Perihal	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Baki Pada Januari	20.17	31.56	36.97	36.20	40.66
Terimaan	66.45	93.39	61.95	61.44	95.10
Bayaran	55.06	87.98	62.71	56.99	81.36
Baki Pada 31 Disember	31.56	36.97	36.21	40.66	54.40

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

b) Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air

Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan menyelenggarakan 4 akaun amanah iaitu Akaun Amanah Menambah Kapasiti Sistem Pam Di Bukit Mendum, Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan, Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air (Pembangunan) yang ditubuhkan pada tahun 2007 dan Akaun Amanah Projek Usaha sama Binaan Kolam Dan Paip Utama Port Dickson yang telah lama diwujudkan. Sumber dana bagi akaun tersebut adalah daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Akaun tersebut ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 dan ditunjukkan di Penyata Kumpulan Wang Amanah Awam. Pada akhir tahun 2007 baki akaun ini meningkat sejumlah RM91.32 juta menjadi RM95.66 juta berbanding RM4.34 juta pada tahun 2006 disebabkan oleh pewujudan 3 akaun amanah baru.

i) Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan

Akaun ini telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan bagi maksud membiayai kos operasi tidak termasuk kos pembangunan bagi Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan sementara menunggu urusan pengkorporatan Jabatan Bekalan Air. Pada tahun 2007 Kerajaan Negeri telah menyumbang sejumlah RM24 juta yang merupakan pendahuluan daripada Kerajaan Negeri dan telah diakaunkan ke Akaun Amanah ini. Mengikut Penyata Kewangan, baki akaun ini pada 31 Disember 2007 adalah berjumlah RM0.71 juta. Jumlah ini

berbeza dengan jumlah yang ditunjukkan dalam penyata terimaan dan bayaran bagi Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air DiPerbadankan iaitu RM8.63 juta. Semakan yang dijalankan mendapati pelarasan yang dibuat dalam tempoh akaun kena bayar tidak diambil kira semasa penyata penerimaan dan pembayaran pada akhir tahun disediakan. Sehingga akhir tahun 2007 pengkorporatan Jabatan Bekalan Air masih belum diluluskan.

ii) Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air (Pembangunan)

Akaun ini telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi maksud membiayai kos pembangunan Jabatan Bekalan Air. Sumber dana bagi akaun ini adalah Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2007 baki akaun ini berjumlah RM68.52 juta.

iii) Akaun Amanah Menambah Kapasiti Sistem Pam Di Bukit Mendum, Seremban

Akaun ini telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957. Pada tahun 2007 sejumlah RM22.20 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan telah diakaunkan ke akaun ini. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2007 belum ada perbelanjaan dilakukan.

c) Akaun Amanah Projek Pembaikan Dan Ubahsuai Istana, Kwarters Dan Kawasan Istana

Akaun Amanah Projek Pembaikan Dan Ubahsuai Istana, Kwarters dan Kawasan Istana diwujudkan pada tahun 2007 untuk kerja-kerja membaiki istana. Sumber dana Akaun tersebut adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM10.59 juta. Pihak Audit mendapati kesemua jumlah pinjaman tersebut telah diakaunkan ke Akaun Amanah. Baki Akaun tersebut pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM5.79 juta. Akaun Amanah ini perlu dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Amanah Awam dan dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

4.6.3. Wang Deposit

Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Senarai baki deposit hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dan salinan kepada Jabatan Audit Negara pada akhir bulan Disember setiap tahun.

- a) Pada akhir tahun 2007, Kerajaan Negeri menyelenggara 11 jenis deposit bagi 21 jabatan. Baki deposit pada akhir tahun 2007 telah berkurang sejumlah RM6.18 juta atau 8.1% kepada RM69.90 juta berbanding RM76.08 juta pada tahun 2006. Semakan Audit mendapati semua penyata deposit pada 31 Disember 2007 telah

dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri. Kedudukan baki Wang Deposit tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Kedudukan Baki Wang Deposit Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Deposit	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	29.21	23.15	(6.06)	(20.7)
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	6.33	5.51	(0.82)	(12.9)
3.	Lain-lain Deposit	40.54	41.24	0.70	1.7
Jumlah		76.08	69.90	(6.18)	(8.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan


- b) Kedudukan baki wang deposit bagi tempoh tahun 2003 hingga tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 28** dan **Carta 6**.

Jadual 28
Kedudukan Baki Wang Deposit Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Deposit	Baki Deposit				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	16.62	11.44	13.02	29.21	23.15
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	2.62	4.68	5.37	6.33	5.51
3.	Lain-lain Deposit	35.97	36.83	38.69	40.54	41.24
Jumlah		55.21	52.95	57.08	76.08	69.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Carta 6
Kedudukan Baki Wang Deposit Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara dan berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai serta kesetaraan tunai. Aliran masuk terdiri daripada hasil, pinjaman, modal dan lain-lain amanah. Aliran keluar pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran pinjaman dan lain-lain bayaran amanah.

4.7.1 Analisis Audit menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM2.44 bilion terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dan terimaan modal. Sejumlah RM2.39 bilion telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta amanah dan deposit. Pada akhir tahun 2007, baki wang tunai meningkat sejumlah RM68.08 juta atau 68% kepada RM168.26 juta berbanding RM100.18 juta pada tahun 2006.


4.7.2 Pada tahun 2007 aliran masuk Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM374.28 juta atau 18.1% menjadi RM2.44 bilion berbanding RM2.07 bilion pada tahun 2006. Aliran masuk yang tertinggi adalah daripada Pelbagai Terimaan Amanah iaitu sejumlah RM2.04 bilion disebabkan oleh peningkatan urus niaga amanah. Butiran aliran masuk tunai Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 29** dan di **Carta 7**.

Jadual 29
Aliran Masuk Tunai Kerajaan Negeri
Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Terimaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	100.64	109.35	8.71	8.6
2.	Hasil Bukan Cukai	195.69	88.01	(107.68)	(55.0)
3.	Terimaan Bukan Hasil	44.87	53.92	9.05	20.2
4.	Pinjaman	56.57	150.91	94.34	166.8
5.	Modal	328.11	0.00	(328.11)	(100.0)
6.	Pelbagai Terimaan Amanah	1,340.26	2,038.23	697.97	52.1
Jumlah		2,066.14	2,440.42	374.28	18.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 7
Aliran Masuk Tunai Kerajaan Negeri Tahun 2007 Berbanding 2006



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7.3 Aliran keluar tunai pada tahun 2007 juga meningkat sejumlah RM197.93 juta atau 9% menjadi RM2.39 bilion berbanding RM2.19 bilion pada tahun 2006. Aliran keluar tertinggi adalah dari lain-lain bayaran amanah berjumlah RM1.81 bilion atau 75.9% daripada keseluruhan aliran keluar wang tunai pada tahun 2007 berbanding RM1.24 bilion pada tahun 2006. Jumlah aliran keluar yang tinggi ini adalah disebabkan peningkatan bayaran amanah pada tahun 2007 berjumlah RM575.03 juta. Aliran keluar yang tinggi ini juga dipengaruhi oleh peningkatan bayaran pinjaman sejumlah


RM163.07 juta. Butiran aliran keluar wang tunai Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 30** dan di **Carta 8**.

Jadual 30
Aliran Keluar Tunai Kerajaan Negeri
Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Pembayaran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbelanjaan Mengurus	366.45	271.60	(94.85)	(25.9)
2.	Perbelanjaan Pembangunan	255.81	91.60	(164.21)	(64.2)
3.	Perbelanjaan Modal	281.14	0.03	(281.11)	(99.9)
4.	Bayaran Pinjaman	48.62	211.69	163.07	335.4
5.	Lain-lain Bayaran Amanah	1,238.06	1,813.09	575.03	46.4
Jumlah		2,190.08	2,388.01	197.93	9.0

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

Carta 8
Aliran Keluar Tunai Kerajaan Negeri
Tahun 2007 Berbanding 2006



Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

4.8 AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Penyata Akaun Memorandum Aset. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam dan luar negeri manakala Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, tunggakan hasil, pelaburan dan lain-lain pelaburan Kerajaan Negeri.

4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, Agensi Negeri dan Syarikat dengan Kerajaan Negeri. Pinjaman yang dikeluarkan kepada agensi-agensi tersebut dibiayai oleh sumber Kerajaan Negeri dan sumber Kerajaan Persekutuan. Semua pinjaman yang dikeluarkan kepada agensi-agensi tersebut dibiayai oleh sumber Kerajaan Persekutuan kecuali pinjaman kepada Majlis Daerah Rembau dan Kuala Pilah. Semakan terhadap Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan sebanyak 19 projek telah diluluskan dan diberi pinjaman oleh Kerajaan Negeri dari tahun 1981 hingga 2005. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan kepada agensi adalah berjumlah RM394.69 juta. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Baki Hutang		Peningkatan/ (Penurunan)	
			2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun Negeri					
	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	61.99	54.39	53.46	(0.93)	(1.7)
	Yayasan Negeri Sembilan	4.90	2.86	2.26	(0.60)	(12.2)
2.	Pihak Berkuasa Tempatan					
	Majlis Perbandaran Seremban	41.35	38.12	38.12	0.00	-
	Majlis Daerah Rembau	1.02	-	0.95	0.95	(2.00)
	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.60	-	0.60	0.60	-
3.	Badan Lain					
	Syarikat Imapro Sdn. Bhd. Menteri Besar Incorporated(MBI)	22.64 261.89	8.64 250.00	8.64 261.89	0.00 11.89	0.00 4.7
Jumlah		394.39	354.01	365.92	11.91	3.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- i) Baki pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2007 meningkat sejumlah RM11.91 juta atau 3.4% menjadi RM365.92 juta berbanding RM354.01 juta pada akhir tahun 2006. Baki ini merupakan baki pinjaman oleh 2 Badan Berkanun Negeri, 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 badan lain. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan oleh 3 pinjaman yang dikeluarkan kepada 2 Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah RM1.62 juta dan faedah yang dimodalkan berjumlah RM11.89 juta.

Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman Boleh Dituntut Pada 31 Disember				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	54.87	54.88	54.42	54.39	53.46
2.	Yayasan Negeri Sembilan	6.89	5.63	4.64	2.86	2.26
3.	Majlis Perbandaran Seremban	38.12	38.12	38.12	38.12	38.12
4.	Majlis Daerah Rembau	0.00	0.00	0.00	0.00	0.95
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.60
6.	Syarikat Imapro Sdn.Bhd.	8.64	8.64	8.64	8.64	8.64
7.	<i>Menteri Besar Incorporated</i> (MBI)	0.00	0.00	250.00	250.00	261.89
Jumlah		108.52	107.27	355.82	354.01	365.92

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan*

- ii) Bayaran balik pinjaman oleh agensi Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM14.25 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.61 juta merupakan bayaran balik pokok manakala RM12.64 juta merupakan bayaran balik faedah. Sejumlah RM12.35 juta bayaran balik faedah telah dijelaskan oleh *Menteri Besar Incorporated*. Bagaimanapun, dua agensi Negeri iaitu Majlis Perbandaran Seremban dan Syarikat Imapro Sdn. Bhd. tidak membuat bayaran balik pinjaman bagi tempoh tahun 2003 hingga tahun 2007. Kedudukan bayaran balik pinjaman oleh agensi bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Oleh Agensi Kepada Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Pinjaman	Bayaran Balik Oleh Agensi				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	0.90	0.00	1.18	0.02	1.23
2.	Yayasan Negeri Sembilan	0.65	1.27	0.99	1.78	0.60
3.	Majlis Perbandaran Seremban	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
4.	Majlis Daerah Rembau	-	-	-	-	0.07
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	-	-	-	-	0.00
6.	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
7.	<i>Menteri Besar Incorporated</i> (MBI)	0.00	0.00	0.00	0.00	12.35
Jumlah		1.55	1.27	2.17	1.80	14.25

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

- iii) Pada akhir tahun 2007 tunggakan bayaran balik pinjaman yang belum dijelaskan oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM62.16 juta. Jumlah ini terdiri daripada tunggakan bayaran balik pokok sejumlah RM53.15 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM9.01 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut
Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman Boleh Dituntut				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	37.74	47.40	47.45	49.51	50.36
2.	Yayasan Negeri Sembilan	0.00	0.00	0.33	0.00	0.00
3.	Majlis Perbandaran Seremban	3.61	4.06	4.51	4.96	5.41
4.	Majlis Daerah Rembau	0.00	0.00	0.00	0.00	0.01
5.	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	0.00	0.00	1.85	4.11	6.38
Jumlah		41.35	51.46	54.14	58.58	62.16

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.8.2 Pelaburan

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada akhir tahun 2007, pelaburan saham di Penyata Akaun Memorandum berkurang sejumlah RM19.85 juta atau 74.9% kepada RM6.62 juta berbanding RM26.47 juta pada tahun 2006. Penurunan ketara ini adalah disebabkan oleh pengurangan pelaburan melalui *Menteri Besar Incorporated* berjumlah RM15.05 juta. Kedudukan pelaburan saham di Penyata Akaun Memorandum bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Syarikat	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Petronas Dagangan Berhad	3.80	3.80	3.80	3.80	3.80
2.	Amanah Saham Bank Islam	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
3.	Lain-lain Pelaburan	24.30	24.30	21.67	21.67	1.82
Jumlah		29.10	29.10	26.47	26.47	6.62

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

4.8.3 Hutang Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2007, baki hutang Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM161.10 juta atau 9.5% kepada RM1.85 bilion berbanding RM1.69 bilion pada tahun 2006. Baki berjumlah RM1.85 bilion tersebut adalah merupakan baki pinjaman pokok yang belum dijelaskan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan Projek Bekalan Air, Rumah Awam Kos Rendah, Projek Perbadanan Kemajuan Negeri, Projek Ladang Hutan dan Projek Pelbagai. Peningkatan baki pinjaman antaranya adalah disebabkan oleh pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM150.91 juta pada tahun 2007. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,196.75	1,337.07	140.32	11.7
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	114.99	114.01	(0.98)	(0.8)
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	32.86	32.86	0.00	0.0
4.	Projek Ladang Hutan	2.15	1.88	(0.27)	12.5
5.	Pelbagai	340.99	363.02	22.03	6.5
Jumlah		1,687.74	1,848.84	161.10	9.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan


- i) Kedudukan hutang Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 hingga tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 37** dan di **Carta 9**.

Jadual 37
Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,097.91	1,136.73	1,185.73	1,196.75	1,337.07
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	110.52	110.10	115.05	114.99	114.01
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	34.13	32.61	32.86	32.86	32.86
4.	Projek Ladang Hutan	2.89	2.65	2.53	2.15	1.88
5.	Pelbagai	50.15	58.08	308.08	340.99	363.02
Jumlah		1,295.60	1,340.17	1,644.25	1687.74	1,848.84

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Carta 9
Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Pada tahun 2007 Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM14.84 juta kepada Kerajaan Persekutuan.

4.8.4 Tunggakan Hasil

Akaun Belum Terima merupakan jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri berasaskan kepada bil, invois dan sebagainya. Pada tahun 2007, tunggakan hasil bagi 17 pemungut hasil berjumlah RM58.85 juta iaitu meningkat sejumlah RM5.71 juta atau 10.7% berbanding RM53.14 juta pada tahun 2006. Semakan Audit mendapati sebahagian besar daripada tunggakan hasil tersebut merupakan tunggakan hasil Pejabat Tanah dan Jabatan Bekalan Air berjumlah RM57.60 juta atau 97.9% daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil tahun 2007. Kedudukan tunggakan hasil bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah	27.73	31.44	3.71	13.4
2.	Jualan Air	23.77	26.16	2.39	10.0
3.	Lain-lain Hasil	1.64	1.25	(0.39)	(23.8)
Jumlah		53.14	58.85	5.71	10.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Analisis Audit terhadap tunggakan hasil Kerajaan Negeri mendapati perkara berikut:


- a) Pada keseluruhannya jumlah tunggakan hasil Pejabat Tanah menunjukkan peningkatan sejumlah RM3.71 juta atau 13.4% kepada RM31.44 juta berbanding RM27.73 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan tunggakan cukai tanah dan tunggakan hasil jualan air.
- b) Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri Sembilan bagi tempoh tahun 2003 hingga tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 39** dan di **Carta 10**.

Jadual 39
Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Pejabat Tanah	49.36	52.21	57.85	27.73	31.44
2.	Jualan Air	9.90	7.97	23.86	23.77	26.16
3.	Lain-lain Hasil	1.09	1.98	1.33	1.64	1.25
Jumlah		60.35	62.16	83.04	53.14	58.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

Carta 10
Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Kedudukan baki wang tunai telah meningkat dari RM100.19 juta pada tahun 2006 kepada RM168.26 juta pada tahun 2007 atau peningkatan 68%. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri tahun 2007 juga menunjukkan peningkatan baki Kumpulan Wang Disatukan sejumlah RM67.99 juta atau 55% kepada RM191.62 juta berbanding RM123.63 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini antara lain adalah disebabkan oleh peningkatan Akaun Amanah Disatukan. Selain itu, walaupun Akaun Hasil Disatukan mengalami penurunan berterusan sejak tahun 2003, pada tahun 2007 Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan defisit Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM4.94 juta atau 19.6% kepada RM20.32 juta berbanding RM25.26 juta pada tahun 2006. Kerajaan Negeri perlu terus mengamalkan perbelanjaan berhemat dan hendaklah berusaha memungut tunggakan hasil berjumlah RM58.85 juta dan menuntut bayaran balik pinjaman daripada agensi berjumlah RM365.92 juta.

BAHAGIAN III RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMK-9)

6.1 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Negeri Sembilan untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Sembilan ke arah mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

6.2 Bagi menjayakan RMK-9, sejumlah RM870.10 juta siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Jumlah ini tidak termasuk peruntukan bagi projek Bekalan Air. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 8 jabatan. Pada tahun 2007 jumlah peruntukan yang diluluskan adalah RM97.40 juta. Jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM48.09 juta atau 49.4% dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM14.20 juta atau 14.5%.

6.2.1 Pada tahun 2007 sebanyak 178 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 8 Jabatan/Agensi. Pada keseluruhannya sebanyak 139 projek atau 78.1% daripada 178 projek yang diluluskan telah siap dilaksanakan. Sejumlah RM81.65 juta atau 83.8% daripada RM97.40 juta telah dibelanjakan setakat Disember 2007 oleh 8 jabatan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Status Pelaksanaan Projek RMK-9

Bil.	Status Projek	Bilangan	Jabatan/ Agensi Terlibat	Peratusan (%)
1.	Projek Telah Siap	139	6	78.1
2.	Projek Mendahului Jadual	1	0	0.6
3.	Projek Mengikut Jadual	21	8	11.8
4.	Projek Lewat Dari Jadual	0	0	-
5.	Projek Belum Mula	4	2	2.2
6.	Projek Dalam Perancangan	13	3	7.3
Jumlah		178		100

Sumber: Rekod Jabatan Negeri

6.2.2 Pada keseluruhannya, 6 daripada 8 jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80%. Jabatan Kerja Raya hanya membelanjakan 65.3% daripada jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan pada tahun 2007 disebabkan 2 projek belum dimulakan. Manakala Jabatan Pertanian hanya membelanjakan 75% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMK-9 adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-9
Sehingga 31 Disember 2007

Bil.	Jabatan	Peruntukan Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2007 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	48.09	40.81	84.9
2.	Jabatan Pertanian	5.80	4.35	75.0
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	4.51	4.50	99.8
4.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	0.33	0.33	100.0
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	11.00	10.66	96.9
6.	Jabatan Kerja Raya	14.20	9.28	65.3
7.	Jabatan Perhutanan	3.00	2.81	93.7
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	10.47	8.91	85.1
Jumlah		97.40	81.65	83.8

Sumber: Rekod Jabatan Negeri

6.2.3 Pada keseluruhannya, 161 daripada 178 projek yang dirancang telah berjaya dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 139 projek telah disiapkan sepenuhnya, 21 projek dilaksanakan mengikut jadual dan 1 projek mendahului jadual. Sebanyak 13 projek masih dalam perancangan dan 4 projek belum dimulakan lagi. Projek tersebut masih belum dimulakan kerana masih dalam peringkat kerja-kerja perancangan tanah, kerja ukur dan proses penyediaan tender. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Status Pelaksanaan Projek RMK-9 Setakat 31 Disember 2007

Bil.	Maksud Pembangunan	Dalam Perancangan	Ikut Jadual	Dahulu Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	Siap Sebenar	Jumlah
1.	Jabatan Pertanian	-	7	-	-	-	8	15
2.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	-	-	-	-	-	66	66
3.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	-	-	-	-	-	17	17
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	7	2	-	-	-	5	14
5.	Jabatan Kerja Raya	-	6	1	-	2	9	18
6.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerja-kkerja Kecil)	-	1	-	-	-	1	2
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pelbagai)	1	-	-	-	-	7	8
8.	Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan	-	-	-	-	-	12	12
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bangunan - Bangunan Kerajaan)	-	-	-	-	1	2	3
10.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)	5	2	-	-	1	3	11
11.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kemajuan Kawasan Perusahaan)	-	-	-	-	-	-	-
12.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pelancongan)	-	-	-	-	-	5	5
13.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	-	3	-	-	-	4	7
Jumlah		13	21	1	0	4	139	178

Sumber: Rekod Jabatan Negeri

**BAHAGIAN IV
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI**

7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

7.1 Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

7.2 Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.


7.3 Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

7.4 Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti**. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

7.5 Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri, kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan,

pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Cemerlang (Sangat Baik)	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

9.1 Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kerja Raya, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Jelebu. Bagi tahun 2007, hanya 6 Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit disebabkan oleh kekangan kakitangan.

9.2 Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri, kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

9.3 Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga

dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006 dan 2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

10. PENEMUAN AUDIT

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 3 Jabatan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Jelebu adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut 9 jenis kawalan yang mana berkaitan seperti berikut:

10.1 KAWALAN PENGURUSAN

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan jawatankuasa yang diwujudkan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan pematuhan terhadap peraturan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri.

- i)** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii)** Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii)** Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv)** Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

b) Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.
- iv) Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

c) Keberkesanan Jawatankuasa Yang Diwujudkan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin

serta berintegriti. Antara lainnya, Ketua Jabatan/Agensi hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

iii) Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan/Agensi memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada pengurusan atasan/Lembaga Pengarah, melaksanakan kerja pengauditan mengikut perancangan dan laporan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Audit. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan/Agensi adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

d) Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

10.2 KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

a) Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri di Negeri Sembilan dikeluarkan Pejabat Kewangan Negeri Sembilan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Sembilan Bil. 1 Tahun 2006 (Garis Panduan bagi

Penyediaan Cadangan Bajet Tahun 2007 Dan 2008). Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

b) Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

e) Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan

Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pejabat Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

10.3 KAWALAN TERIMAAN

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

a) Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

b) Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

c) Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai yang diselenggarakan oleh Jabatan Negeri. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun atau Dokumen Kualiti, semakan Audit

juga telah dijalankan terhadap pematuan terhadap peraturan kawalan perakaunan terimaan/hasil yang telah ditetapkan.

e) Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

10.4 KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

a) Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan atau peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri.

b) Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

c) Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap perkara seperti berikut:

a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri berkaitan:

- i)** Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii)** Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii)** Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- iv)** Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

c) Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Manakala Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri berhubung dengan perkara-perkara berikut:

a) Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

b) Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperolehi. Antara lain, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

c) Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset digunakan hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.

- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e) Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

f) Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

g) Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperolehi. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

10.7 PENGURUSAN PELABURAN

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

10.8 PENGURUSAN PINJAMAN

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.


10.9 PENYATA KEWANGAN

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Pegawai Kewangan Negeri Sembilan juga mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh yang ditetapkan. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

11. TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kerja Raya, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Jelebu **adalah pada tahap baik dengan diberi penarafan 3 bintang**. Tahap prestasi pengurusan kewangan keseluruhan Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah seperti di **Carta 11**.

Carta 11
Tahap Prestasi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan
Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2007



12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 6 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah pada tahap baik. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- a) Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam dan lebih fokus kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini.
- b) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.
- c) Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Kewangan Negeri disarankan supaya

mengarahkan atau bekerjasama dengan Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menjalankan pengauditan di Jabatan/Agensi Negeri lain atau Pegawai Pengawal patut mengarahkan Unit Audit Dalamnya menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan.

- d) Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Unit Audit Dalamnya mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e) Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f) Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran dengan tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Agensi yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

BAHAGIAN V
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM

13. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan bagi mengesahkan Penyata Kewangan Agensi Negeri seperti Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Sehingga akhir tahun 2007, Kerajaan Negeri mempunyai 14 Agensi yang terdiri daripada 5 Badan Berkanun Negeri, 8 Pihak Berkuasa Tempatan dan 1 Majlis Agama Islam. Hasil daripada pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaporkan di Bahagian ini.

14. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

14.1 Bagi mempercepatkan pengauditan, penyata kewangan bagi 12 Agensi telah diaudit oleh 9 firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara manakala Jabatan Audit Negara mengaudit penyata kewangan bagi Majlis Agama Islam dan Majlis Sukan Negeri Sembilan.

14.2 Pelantikan firma audit swasta adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Firma audit swasta dikehendaki menyediakan laporan terperinci mengenai keputusan pengauditan mereka dan menyerahkannya kepada Ketua Audit Negara. Walaupun pengauditan akaun Agensi telah dijalankan oleh firma audit swasta, pengeluaran Sijil Audit masih menjadi tanggungjawab Ketua Audit Negara. Pengauditan oleh firma audit swasta ini dipantau oleh Jabatan Audit Negara dari penyediaan memorandum perancangan audit sehingga laporan terperinci dikemukakan supaya pengauditan yang dilaksanakan adalah mengikut standard pengauditan yang diterima umum.

15. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyediakan Penyata Kewangan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan Penyata Kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Bagi Badan Berkanun Negeri pula, Enakmen penubuhan Badan Berkanun berkenaan menghendaki Penyata Kewangan dikemukakan untuk diaudit dalam masa 6 bulan selepas akhir tahun kewangan. Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam untuk diaudit adalah baik.

Sehingga 31 Mei 2008, semua Agensi telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2006 untuk diaudit dan semua penyata kewangan telah disahkan dan dikeluarkan Sijil Audit. Jabatan Audit Negara mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri dan Agensi yang telah mengambil langkah positif supaya semua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 dapat disediakan dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tahun 2007. Manakala 12 penyata kewangan Agensi bagi tahun 2007 telah diterima setakat 31 Mei 2008. Daripada jumlah tersebut Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan telah disahkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Setakat 31 Mei 2008

Bil.	Nama Agensi	Telah Disahkan	Sedang Diaudit
A. Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Perbandaran Seremban	2007	-
2.	Majlis Perbandaran Nilai	2006	2007
3.	Majlis Perbandaran Port Dickson	2006	2007
4.	Majlis Daerah Tampin	2006	2007
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	2006	2007
6.	Majlis Daerah Jelebu	2006	2007
7.	Majlis Daerah Jempol	2006	2007
8.	Majlis Daerah Rembau	2006	2007
B. Majlis Agama Islam			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	2005, 2006	2007
C. Badan Berkanun Negeri			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2006	-
2.	Yayasan Negeri Sembilan	2006	-
3.	Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan	2006, 2007	-
4.	Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan	2006	2007
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	2006	2007
Jumlah		16	10

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

16. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga 31 Mei 2008, sebanyak 14 penyata kewangan tahun 2006, 1 penyata kewangan tahun 2005 dan 2 Penyata Kewangan tahun 2007 telah disahkan oleh pihak Audit. Sebanyak 15 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran, manakala 2 penyata kewangan diberi Sijil Berteguran. Sijil Berteguran dikeluarkan kepada Majlis Sukan Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Jempol kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan dokumen dan rekod kewangan yang tidak memuaskan. Kedudukan persijilan penyata kewangan bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45

Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Agensi Setakat 31 Mei 2008

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata	Jenis Sijil Audit
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2006	Sijil Tanpa Teguran
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	2006	Sijil Tanpa Teguran
3.	Yayasan Negeri Sembilan	2006	Sijil Tanpa Teguran
4.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	2006, 2007	Sijil Tanpa Teguran
5.	Majlis Sukan Negeri Sembilan	2006	Sijil Berteguran
6.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	2005, 2006	Sijil Tanpa Teguran
7.	Majlis Perbandaran Seremban	2006, 2007	Sijil Tanpa Teguran
8.	Majlis Perbandaran Nilai	2006	Sijil Tanpa Teguran
9.	Majlis Perbandaran Port Dickson	2006	Sijil Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Tampin	2006	Sijil Tanpa Teguran
11.	Majlis Daerah Kuala Pilah	2006	Sijil Tanpa Teguran
12.	Majlis Daerah Jelebu	2006	Sijil Tanpa Teguran
13.	Majlis Daerah Jempol	2006	Sijil Berteguran
14.	Majlis Daerah Rembau	2006	Sijil Tanpa Teguran

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

17. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukkan supaya Penyata Kewangan yang diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Sehingga 31 Mei 2008, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 13 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, 1 penyata kewangan Majlis Agama Islam bagi tahun 2006 masih belum dibentangkan. Kedudukan pembentangan penyata kewangan adalah seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Yang Dibentangkan Sehingga 31 Mei 2008

Bil.	Nama Agensi	Bilangan Penyata Kewangan	Tarikh Penyata Disahkan	Tahun Penyata Kewangan Belum Dibentangkan
Badan-badan Berkanun Negeri				
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	1	28.10.2007	-
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	1	07.06.2007	-
3.	Yayasan Negeri Sembilan	1	08.10.2007	-
4.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	1	18.10.2007	-
5.	Majlis Sukan Negeri Sembilan	1	07.11.2007	-
Majlis Agama Islam				
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	1	28.05.2007	2006
Pihak Berkuasa Tempatan				
1.	Majlis Perbandaran Seremban	1	17.07.2007	-
2.	Majlis Perbandaran Nilai	1	25.10.2007	-
3.	Majlis Perbandaran Port Dickson	1	28.09.2007	-
4.	Majlis Daerah Tampin	1	23.08.2007	-
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	1	13.11.2007	-
6.	Majlis Daerah Jelebu	1	07.09.2007	-
7.	Majlis Daerah Jempol	1	04.12.2007	-
8.	Majlis Daerah Rembau	1	17.08.2007	-
Jumlah		14		1

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

18. PRESTASI KEWANGAN

Pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi tahun 2006 seperti berikut:

18.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN

18.1.1 Badan Berkanun Negeri

Hasil analisis Audit terhadap penyata kewangan tahun 2006 mendapati prestasi kewangan semasa bagi kesemua Badan Berkanun Negeri kecuali satu Badan Berkanun Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan adalah memuaskan. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan mengalami defisit berjumlah RM6.32 juta di mana perbelanjaan melebihi pendapatan. Peningkatan perbelanjaan di Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan telah bertambah sejumlah RM1 juta berbanding tahun 2005. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan pula mencatat lebih pendapatan berjumlah RM0.62 juta. Prestasi kewangan Yayasan Negeri Sembilan adalah memuaskan dengan mendapat lebih berjumlah RM0.02 juta. Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan pula telah mencatat lebih pendapatan berjumlah RM1.46 juta. Pendapatan Majlis Sukan Negeri Sembilan

pada tahun 2006 adalah baik berbanding tahun 2005 dengan peningkatan berjumlah RM0.75 juta.

Pada keseluruhannya prestasi kewangan bagi Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan tidak memuaskan kerana Perbadanan mengalami defisit sejumlah RM6.32 juta. Selain itu, nisbah aset semasa berbanding liabiliti semasa Perbadanan menunjukkan 0.85:1. Sehubungan itu, aset semasa Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan yang berjumlah RM85 juta tidak berupaya menanggung liabiliti semasa berjumlah RM100.22 juta di mana liabiliti bersih semasa berjumlah RM15.22 juta. Manakala prestasi kewangan Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Majlis Sukan Negeri adalah memuaskan.

18.1.2 Pihak Berkuasa Tempatan

Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan Tahun 2006 bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan mendapati kedudukan kewangan semasa bagi 2 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Daerah Jelevu kurang memuaskan manakala 6 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain adalah stabil. Majlis Perbandaran Seremban mengalami defisit berjumlah RM4 juta manakala Majlis Daerah Jelevu sejumlah RM0.70 juta. Lebihan perbelanjaan di Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Daerah Jelevu masing-masing disebabkan pertambahan perbelanjaan pembangunan sebanyak 38.3% dan 134.7%. Bagaimanapun harta bersih semasa Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Daerah Jelevu masing-masing berjumlah RM33.12 juta dan RM0.86 juta.

Pada keseluruhannya, prestasi kewangan bagi 6 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain adalah baik kerana aset semasanya berupaya menampung liabiliti semasa kecuali bagi Majlis Daerah Kuala Pilah. Aset semasa Majlis Daerah Kuala Pilah berjumlah RM4.85 juta berbanding liabiliti semasa berjumlah RM6.87 juta.

18.1.3 Majlis Agama Islam

Hasil analisis terhadap penyata kewangan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan mendapati kedudukan kewangannya adalah kukuh dengan mendapat lebihan pendapatan dari perbelanjaan berjumlah RM1.87 juta dan nilai harta bersih semasa berjumlah RM82.38 juta. Kedudukan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan
Dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31 Disember 2006			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2006		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/ (Liabiliti) Bersih Semasa
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Badan Berkanun Negeri							
1.	PKNNS	10.97	17.29	(6.32)	85.0	100.22	(15.22)
2.	PPANS	5.37	3.33	2.04	0.69	0.12	0.56
3.	YNS	5.65	5.63	0.02	46.48	5.32	41.16
4.	LMNS	1.05	0.98	0.07	1.26	0.27	0.99
5.	MSN	3.36	1.90	1.46	10.56	0.017	10.54
Majlis Agama Islam							
1.	MAINS	6.15	4.28	1.87	85.0	2.62	82.38
Pihak Berkuasa Tempatan							
1.	MP Seremban	67.34	71.34	(4.00)	52.79	19.67	33.12
2.	MP Nilai	41.51	32.63	8.89	42.51	27.54	14.97
3.	MP Port Dickson	28.11	21.98	6.12	34.18	8.58	25.60
4.	MD Tampin	13.17	10.92	2.25	7.23	1.76	5.47
5.	MD Kuala Pilah	12.44	12.05	0.39	4.85	6.87	(2.02)
6.	MD Jelebu	5.88	6.58	(0.70)	2.39	1.54	0.86
7.	MD Jempol	9.55	8.40	1.15	8.57	2.26	6.31
8.	MD Rembau	12.84	10.62	2.22	3.47	3.00	0.47

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2006

18.2 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Majlis Perbandaran Nilai menunjukkan peningkatan ketara tunggakan cukai taksiran sejumlah RM6.89 juta atau 35.5% menjadi RM26.28 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM19.39 juta pada tahun 2005. Manakala Majlis Daerah Tampin telah dapat menurunkan tunggakan cukai taksiran sejumlah RM0.17 juta atau 7.5% iaitu dari sejumlah RM2.28 juta pada tahun 2005 kepada RM2.11 juta pada tahun 2006. Penurunan tunggakan cukai taksiran ini adalah hasil usaha serta tindakan yang cekap oleh Unit Penguatkuasaan Majlis. Pihak Berkuasa Tempatan perlu meningkatkan tindakan penguatkuasaan supaya tunggakan cukai dapat dikurangkan. Kedudukan tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2006 Berbanding Tahun 2005

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Nilai	19.39	26.28	6.89
2.	Majlis Perbandaran Port Dickson	13.60	16.11	2.51
3.	Majlis Perbandaran Seremban	17.22	18.97	1.75
4.	Majlis Daerah Jempol	1.07	1.25	0.18
5.	Majlis Daerah Jelevu	0.96	1.07	0.11
6.	Majlis Daerah Rembau	0.39	0.49	0.10
7.	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.65	0.70	0.05
8.	Majlis Daerah Tampin	2.28	2.11	(0.17)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2006

BAHAGIAN VI
TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

19. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Hasil pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini.

20. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 YANG MASIH BELUM SELESAI

20.1 PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI : PENGURUSAN KEWANGAN

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
10.2.1	Penyerahan Akaun Tunai Bulanan Daftar Penyerahan Akaun Tunai Bulan Oktober, November dan Disember belum dikemas kini.	Daftar Penyerahan Akaun Tunai Bulanan telah dikemas kini.	Daftar telah dikemas kini.
10.2.3	Penyata Penyesuaian Hasil 16 PTJ tidak mengemukakan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan.	16 PTJ tersebut telah kemukakan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan.	Semua Penyata Penyesuaian Hasil telah diterima.
10.2.4	Cek Tidak Laku Tidak dapat mengesahkan bilangan dan jumlah cek tidak laku yang telah diganti dan yang belum diganti.	Jumlah Cek Tidak Laku tahun 2006 yang telah diganti ialah RM700,657 dengan bilangan cek sebanyak 126 keping.	Perbendaharaan Negeri telah berusaha mendapatkan Cek ganti tersebut.
10.2.6	Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan) Lewat menghantar penyata Penyesuaian bank bulan Februari 2006.	Kelewatan disebabkan penyata penyesuaian bank tidak dapat diimbangkan dalam tempoh yang ditetapkan.	Pihak Perbendaharaan Negeri hendaklah memastikan peraturan kewangan dipatuhi.
10.3.1(b)	Daftar Bil i. Tiada Semakan dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa. ii. Terdapat bil-bil yang diterima tidak dicap.	Mulai tahun 2007 semua bil yang diterima dicap terima dan daftar bil diperiksa oleh pegawai yang diberi kuasa.	Jabatan telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan.
10.3.5 (c)	Pengesahan Perbelanjaan Sebanyak 26 PTJ tidak	PTJ yang tidak	PTJ telah mengambil

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
	mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus setiap bulan manakala 22 PTJ lagi lewat mengemukakan Penyata berkenaan.	mengemukakan Penyata Penyesuaian telah diberi surat peringatan. Semua PTJ telah mengemukakan penyata penyesuaian perbelanjaan pada tahun berakhir 31 Disember 2006.	tindakan terhadap arahan yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri.
10.3.5(e)	Kawalan Cek Batal Sebanyak 89 cek tamat tempoh berjumlah RM118.47 juta bagi tempoh 2004 dan 2006 masih belum diakaunkan ke akaun Penyelesaian Cek Terbatal.	Sejumlah RM117.82 juta merupakan pelarasan kredit di buku tunai bagi tahun 2006. Tindakan telah diambil terhadap amaun ini di buku tunai bayaran.	Akaun Cek terbatal adalah pada kedudukan terkini.
10.3.5(f)	Pembayaran Di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) Pembayaran di bawah AP 58 (a) dapat dikurangkan sekiranya pihak Jabatan mengawal perbelanjaan dan mengambil tindakan susulan terhadap bil yang lewat diterima.	Semua Jabatan telah diarahkan melalui surat edaran bertarikh 5 Julai 2007 supaya bayaran bil/invois dan tuntutan dijelaskan tidak melebihi 14 hari dari tarikh ianya diterima selewat-lewatnya 1 November 2007.	Semua Jabatan wajar mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
10.4.2(b) (c)	Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman yang belum dijelaskan oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2006 berjumlah RM58 juta. Syarikat Imapro Sdn. Bhd. dan Majlis Perbandaran Seremban tidak membuat sebarang ansuran bayaran balik pinjaman.	Pejabat Kewangan Negeri telah mengeluarkan surat peringatan bayaran anuiti dan tunggakan hutang kepada semua Badan Berkanun Negeri yang telah membuat pinjaman. Pejabat Kewangan Negeri telah mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat bagi menuntut tunggakan tersebut.	Dua Agensi tidak membuat bayaran balik bagi tempoh 2003 hingga 2007.
10.6.2(b)	Kumpulan Wang Amanah Awam Akaun Amanah Pembinaan/Pengubahsuaian Masjid Dan Surau. (Kod Amanah 65008). Tiada dokumen perjanjian secara formal dibuat antara pihak Kerajaan Negeri dengan Kontraktor yang terlibat untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian Masjid dan Surau.	Pelantikan kontraktor dibuat secara rundingan terus.	Pejabat Kewangan Negeri hendaklah memastikan perkara ini tidak berulang lagi.
10.6.4	Daftar Penghantaran Penyata Terimaan Dan Bayaran Akaun Amanah/ Deposit Terdapat beberapa PTJ belum menghantar Penyata	Semua PTJ yang terlibat telah mengemukakan penyata penyesuaian bulanan bagi akaun amanah /deposit berakhir 31	Semua PTJ telah mengambil tindakan mengemukakan penyata terimaan dan bayaran akaun amanah/deposit

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
	Terimaan Dan Bayaran Akaun Amanah/Deposit.	Disember 2006.	bagi tahun 2006.
10.6.5	Pengesahan Laporan Amanah/Deposit Sebanyak 24 PTJ lewat mengemukakan Penyata Penyesuaian Bulanan bagi akaun Amanah dan Deposit antara 3 hingga 8 bulan dan 12 PTJ tidak mengemukakannya setiap bulan.	PTJ yang lewat/tidak mengemukakan penyata penyesuaian telah dimaklumkan dan surat peringatan telah dihantar kepada PTJ yang terlibat.	Semua PTJ yang terlibat telah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

20.2 PEJABAT DAERAH DAN TANAH JEMPOL : PENGURUSAN KEWANGAN

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
15.1	Kawalan Pengurusan a) Struktur Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah Jempol mempunyai kekosongan 2 jawatan iaitu PTD M41 di Bahagian Pembangunan dan Pembantu Tadbir N22 di Bahagian Tanah.	Jawatan PTD M41 telah diisi pada 20.8.2007 manakala jawatan Pembantu Tadbir Gred N22 Bahagian Tanah masih belum diisi. Pada 16.8.2008 Pejabat telah membuat penyusunan semula jawatan di semua bahagian dan menambah bilangan kakitangan menjadikan jumlah jawatan 129 orang. Daripada jumlah ini 77 jawatan telah diisi manakala 52 atau 40.3% jawatan masih kosong.	Pengisian jawatan adalah tidak memuaskan kerana sebanyak 40.3% jawatan masih kosong dan menjejaskan pengurusan pejabat.
	b) Pematuhan Terhadap Kawalan Pengurusan <ul style="list-style-type: none"> Manual Prosedur Kerja Tidak disediakan. Manual Prosedur Kerja tidak lengkap dan kemas kini. Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini. 	<ul style="list-style-type: none"> Manual Prosedur Kerja telah disediakan sebagai dokumen rujukan Pejabat tetapi penggunaan sistem SPEKS dan SIHATNS tidak dinyatakan. Fail Meja belum dikemas kini dengan prosedur kerja yang menggunakan sistem SPEKS dan SIHATNS. 	Tindakan yang diambil oleh Pejabat tidak memuaskan kerana MPK dan Fail Meja masih tidak lengkap.
15.2.8	Kawalan Terhadap Kutipan Melalui Mel <ul style="list-style-type: none"> Pegawai Penyelia tidak menyemak Daftar Mel. 	Daftar Mel masih belum disemak sehingga ke tarikh lawatan iaitu pada 7 April 2008.	Pejabat masih belum mengambil tindakan untuk menyemak Daftar Mel seperti kehendak AP 71.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
15.2.11	Kawalan keselamatan Semasa Kutipan Hasil 2 unit komputer tidak dilengkapi dengan <i>Uninterrupted Power Supply</i> (UPS) bagi membolehkan sistem komputer menyimpan data sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik.	2 unit Komputer di kaunter terimaan hasil masih belum dilengkapi dengan peralatan UPS.	Tidak memuaskan kerana Pejabat belum memasang UPS sebagai langkah keselamatan terhadap data.
15.3	Kawalan Perbelanjaan Pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Kawalan Perbelanjaan: <ul style="list-style-type: none"> • Buku Vot tidak disemak oleh Pegawai Penyelia. • Daftar bil tidak diperiksa oleh pegawai kanan. 	Semakan ke atas Buku Vot telah dibuat dari semasa ke semasa. Daftar Bil telah disemak oleh pegawai penyelia setiap bulan.	Pejabat telah mengambil tindakan terhadap pemerhatian Audit yang dibangkitkan.
15.5.2	Pengurusan Aset Pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan penggunaan aset: <ul style="list-style-type: none"> • Pejabat tidak menyelenggara Daftar Harta Modal dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini. • Pemeriksaan fizikal tidak dibuat. • Verifikasi stok tidak dijalankan. • Pelantikan Pegawai Pengangkutan tidak dibuat secara bertulis. • Pelupusan tidak dilakukan dengan segera di mana Pajero NAH 9596 yang diluluskan untuk dihapus kira masih digunakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat telah mendaftarkan Harta Modal di dalam KEW.PA 2 meliputi harta yang diperoleh dalam tahun 2007 dan 2008 tetapi KEW.PA. 3 iaitu Daftar Inventori masih dalam proses untuk didaftarkan. • Pemeriksaan fizikal telah dibuat pada 28.3.2007 dan Laporan akan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri. • Pegawai Pengangkutan telah dilantik secara bertulis pada 30.3.2007 dan pegawai yang dilantik ialah En. Zulkifli b. Yasin (PT N22). • Pajero NAH 9596 telah dilupuskan pada 28.8.2007 melalui jualan secara sebut harga. Kenderaan baru hanya akan dibeli pada bulan Mei 2008. 	Pada keseluruhannya, Pejabat telah mengambil tindakan terhadap pemerhatian Audit yang dibangkitkan. Bagaimanapun, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil bagi memastikan teguran yang dilaporkan tidak terus berulang.

20.3 PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI : PENGURUSAN KEWANGAN

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
15.1 (b)	Manual Prosedur Kerja (MPK) tidak lengkap. Fail Meja (FM) tidak kemas kini.	Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan telah menyediakan MPK dengan lengkap. Semakan terhadap 2 FM mendapati ia masih tidak lengkap kerana 2 perkara utama dalam FM iaitu Peraturan-peraturan Pentadbiran dan Senarai Jawatankuasa Yang Dianggotai tidak dimuatkan dalam FM.	PKPA 8/1991 menyatakan MPK merupakan bahan rujukan bagi sesebuah Jabatan. Kesimpulannya, MPK masih belum lengkap. Jabatan telah mengambil tindakan melengkapkan FM.
15.2.1	Notis mengenai keperluan meminta resit tidak dipamerkan untuk pengetahuan awam.	Pemeriksaan Audit mendapati Notis berkenaan telah dipamerkan di Bahagian Kaunter.	Jabatan telah mengambil tindakan mempamerkan Notis Pemberitahuan tersebut.
15.3	Buku Vot tidak disemak oleh pegawai penyelia.	Pemeriksaan Audit terhadap Buku Vot berkomputer mendapati ia telah disemak oleh pegawai penyelia dengan menandatangani ringkas Buku Vot.	Pegawai Penyelia telah mengambil tindakan untuk menyemak Buku Vot Berkomputer.
15.5.2	Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Pemeriksaan Audit mendapati penyelenggaraan Harta Modal dan Inventori telah diselenggarakan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007.	Jabatan telah mematuhi PP 5/2007 terhadap Penyelenggaraan Harta Modal dan Inventori.
15.5.2	Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan terhadap harta modal dan inventori.	Pemeriksaan Audit mendapati pemeriksaan fizikal telah dilaksanakan.	Jabatan telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap Harta Modal dan Inventori.
15.5.2	Verifikasi stok tidak dijalankan.	Verifikasi stok – Tidak Berkenaan.	Jabatan Tidak Berkenaan dengan Verifikasi Stok.
15.5.2	Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Pemeriksaan Audit terhadap sebuah Buku Log kenderaan mendapati ringkasan bulanan masih tidak dibuat.	Jabatan masih tidak membuat ringkasan bulanan terhadap Buku Log Kenderaan.
15.5.2	Aset usang tidak diambil tindakan pelupusan.	Pemeriksaan Audit mendapati aset usang telah diambil tindakan pelupusan.	Jabatan telah mengambil tindakan terhadap aset usang dengan melupuskannya melalui KEW.PA- 16, KEW.PA- 17, KEW.PA – 19 dan KEW.PA- 25.
15.5.2	Pelupusan aset tidak disegerakan.	Pemeriksaan Audit mendapati pelupusan aset telah diambil tindakan dengan cara dijual.	Pelupusan telah selesai dilaksanakan pada Julai 2007 berdasarkan Sijil Pelupusan Barang-barang – KEW.300-X.

20.4 PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAMPIN : PENGURUSAN KEWANGAN

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
15.1 (b)	<p>Kawalan Pengurusan Fail Meja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini di mana sistem dan proses kerja tidak mengikut peraturan dan proses kerja semasa seperti SPEKS dan SIHATNS. Manual Prosedur Kerja ada disediakan tetapi tidak lengkap dan kemas kini.</p>	<p>Fail Meja telah dikemas kini mengikut proses kerja semasa seperti SPEKS dan SIHATNS. Manakala Manual Prosedur Kerja dikemas kini dari semasa ke semasa.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan seperti disyorkan dalam pemerhatian Audit.</p>
15.2.5	<p>Kawalan Kemasukan Wang Kutipan Hasil Ke Bank Kutipan hasil dihantar ke bank oleh kakitangan Pejabat sendiri tanpa kawalan keselamatan.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Tanah telah melantik syarikat kawalan keselamatan bagi tujuan penghantaran kutipan hasil ke bank.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan seperti disyorkan dalam pemerhatian Audit.</p>
15.2.11	<p>Kawalan Keselamatan Semasa Kutipan Hasil Terdapat 2 unit komputer di kaunter penerimaan hasil tidak dilengkapi dengan peralatan <i>Uninterrupted Power Supply</i> (UPS).</p>	<p>Peralatan <i>Uninterrupted Power Supply</i> akan dibekalkan oleh Unit Pengurusan Teknologi Maklumat.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit. Bagaimanapun, tindakan susulan selanjutnya perlu dibuat.</p>
15.4.1	<p>Pengurusan Akaun Amanah/Deposit Pejabat ada menyelenggara Akaun Deposit Am Pejabat berjumlah RM233,535. Bagaimanapun, penyesuaian bagi deposit di Bahagian Pengurusan Tanah pada bulan November 2006 berjumlah RM77,816 tidak dapat dilakukan kerana perbezaannya tidak dapat dikesan.</p>	<p>Penyesuaian baki deposit bagi bulan November telah dapat diselaraskan dengan Laporan Terperinci Perbendaharaan Negeri.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit.</p>
15.5.2	<p>Pengurusan Aset Pejabat tidak menyelenggara Daftar Harta Modal dengan lengkap dan kemas kini. Pejabat juga tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan verifikasi stok.</p>	<p>Daftar Harta Modal telah dikemas kini. Pejabat juga telah menjalankan pemeriksaan fizikal dan melantik pemverifikasi stok.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan seperti disyorkan dalam pemerhatian Audit.</p>

20.5 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH : PENGURUSAN KEWANGAN

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
20.1.1	<p>Struktur Organisasi Sebanyak 43 perjawatan pelbagai kategori tidak diisi. Kekosongan perjawatan yang ketara adalah bagi jawatan Pegawai Syariah Gred LS44 yang hanya satu jawatan diisi berbanding 7 perjawatan yang telah diluluskan. Manakala bagi jawatan Pembantu Syariah Gred LS17, sebanyak 14 perjawatan telah diluluskan tetapi hanya 8 perjawatan telah diisi dan 6 jawatan masih kosong. Setiap bulan Jabatan ada mengemukakan laporan berkaitan dengan kedudukan perjawatan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, sehingga kini kekosongan ini masih belum diisi.</p>	<p>Sebanyak 27 perjawatan pelbagai kategori masih tidak diisi. Kekosongan 6 jawatan Pegawai Syariah Gred LS44 masih belum diisi. Semua kekosongan jawatan Pembantu Syariah Gred LS17 telah diisi pada bulan September 2007. Laporan berkaitan dengan kedudukan perjawatan telah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri setiap 3 bulan sekali.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit. Bagaimanapun, tindakan susulan selanjutnya perlu dibuat dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.</p>
20.1.3	<p>Latihan Dan Kursus Kursus atau latihan yang dihadiri oleh 2 orang pegawai yang melaksanakan tugas kewangan di Ibu Pejabat pada tahun 2006 hanyalah 4 hingga 5 hari sahaja, tidak cukup tempoh seperti yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 iaitu sekurang-kurangnya tujuh hari setahun.</p>	<p>Pegawai berkenaan telah menghadiri kursus atau latihan mengikut tempoh seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan seperti disyorkan dalam pemerhatian Audit.</p>
20.2.4	<p>Keselamatan Peti Besi Peti besi Jabatan telah dicantumkan dengan kukuh pada rangka bina bangunan. Bagaimanapun, hanya mempunyai satu anak kunci yang dipegang oleh Pembantu Tadbir Gred W22 manakala satu lagi anak kunci tidak diketahui lokasinya.</p>	<p>Satu anak kunci baru telah dibuat dan anak kunci peti besi masing-masing dipegang oleh Ketua Pendaftar Gred LS 48 dan Penolong Akauntan Gred W27.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit.</p>
20.2.6	<p>Keselamatan Wang Pungutan Jabatan tidak ada menggunakan khidmat pegawai keselamatan bagi mengiringi pegawai yang menghantar wang pungutan ke bank.</p>	<p>Semua wang pungutan dihantar ke bank oleh Penolong Akauntan dan seorang pemandu tanpa diiringi oleh pegawai keselamatan.</p>	<p>Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit. Bagaimanapun, ciri-ciri keselamatan terhadap penghantaran wang pungutan ke bank perlu dipertingkatkan.</p>

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
20.3.5 (a)	<p>Pengurusan Perolehan Pesanan Pembelian Tempatan Pesanan Pembelian Tempatan bagi baucar bayaran nombor siri V0651793 hingga V0651844 telah ditandatangani oleh Pegawai yang diberi kuasa. Bagaimanapun, dokumen sokongan tidak di cop dengan tarikh terimaan. Oleh itu, tidak dapat ditentukan sama ada pembayaran dibuat mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti dikehendaki oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2006.</p>	Tindakan telah diambil untuk memperbaiki sistem pembayaran seperti yang disyorkan.	Pejabat telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan seperti disyorkan dalam pemerhatian Audit.
20.5.1	<p>Daftar Harta Modal (Kew. 312) Daftar Harta Modal tidak diisi dengan maklumat seperti Nombor Siri Pendaftaran, Penempatan dan Pemeriksaan Harta Modal di ruangan yang disediakan.</p>	Tindakan telah diambil dengan menggunakan borang baru KEW. PA- 2 mulai bulan Ogos 2007.	Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit.
20.5.2	<p>Daftar Inventori (Kew. 313) Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyelenggarakan daftar tersebut.</p>	Tindakan telah diambil dengan menggunakan borang baru KEW. PA- 3 mulai bulan Ogos 2007.	Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit.
20.5.5	<p>Catatan Kekal Nombor Siri Pendaftaran Kerajaan Jabatan tidak ada mencatatkan nombor siri pendaftaran secara kekal pada harta modal dan inventori sebagaimana yang ditetapkan.</p>	Tindakan telah diambil dengan segera untuk mencatatkan nombor siri pendaftaran secara kekal pada harta modal dan inventori sebagaimana yang ditetapkan.	Pejabat telah mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan seperti disyorkan dalam pemerhatian Audit.
20.5.6	<p>Verifikasi Stok Pegawai Pemverifikasi Stok tidak dilantik oleh pihak Jabatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Tatacara Pengurusan Stor Perenggan 187 untuk menjalankan tugas verifikasi stok.</p>	Seorang Pembantu Tadbir Gred N17 telah dilantik sebagai Pegawai Pemverifikasi Stok tetapi pegawai berkenaan telah bertukar pada bulan Mac 2008 dan masih belum mendapat pengganti. Bagaimanapun, seorang Pembantu Tadbir Gred N17 yang lain telah dilantik untuk menanggung kerja tersebut.	Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit.
20.5.7	<p>Pelupusan Aset Masih ada aset usang yang tidak boleh digunakan seperti</p>	Aset yang usang telah dibuat pelupusan setelah	Pejabat telah mengambil tindakan terhadap perkara

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
	komputer dan pelbagai peralatan lain masih disimpan di stor Jabatan.	mendapat kelulusan Pejabat Kewangan Negeri.	yang dibangkitkan mengikut peraturan yang ditetapkan.
20.5.8	Penggunaan Kad Inden Minyak Semakan Audit mendapati kad inden minyak disimpan oleh pemandu. Manakala buku daftar pembelian minyak ada di selenggara tetapi butiran pembelian minyak tidak direkodkan dengan teratur.	Tindakan telah diambil untuk memperbaiki kelemahan tersebut.	Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan dalam pemerhatian Audit.

20.6 PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN : PENGURUSAN KEWANGAN

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
33.1	Kawalan Pengurusan Manual Prosedur Kerja bagi 8 bahagian masih belum di kemas kini.	Manual prosedur Kerja telah di kemas kini.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.
33.1.4	Fail meja kakitangan tidak lengkap dan tidak dikemas kini.	Fail meja kakitangan masih ada yang belum kemas kini.	Tindakan mengemas kini fail meja tersebut hendaklah diambil.
33.1.8	Jawatankuasa Audit tidak diwujudkan di peringkat Perbadanan.	Jawatankuasa Audit masih belum ditubuhkan sehingga kini (9 April 2008).	Arahan Pekeliling Am Bil.3 Tahun 1998 tidak dipatuhi.
33.1.9	Unit Audit Dalam masih belum berfungsi semenjak ditubuhkan pada tahun 2002.	Menurut Bahagian Sumber Manusia PKNS, tiada pelantikan dibuat sehingga kini.	Arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 tidak dipatuhi.
33.2.5	Kawalan Hasil Buku Tunai tidak disemak setiap hari oleh pegawai yang bertanggungjawab.	Buku Tunai telah disemak setiap hari.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.
33.2.6	Pemeriksaan mengejut hanya dilaksanakan setahun sekali sahaja.	Tindakan belum diambil bagi melaksanakan pemeriksaan mengejut 6 bulan sekali.	Kurang memuaskan kerana tidak mengikut Peraturan Perbadanan perenggan 242(2).
33.2.10	Daftar Cek Tak Laku tidak di selenggara.	Daftar Cek Tak Laku telah di selenggara.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.
33.2.12	Terdapat 62 barang niaga yang terdiri daripada rumah, kedai, banglo dan lot industri yang berusia antara 3 hingga 22 tahun masih belum dijual bernilai RM24.72 juta.	Agen jualan telah dilantik dan pemasaran terhadap jualan rumah dan rumah kedai telah dilaksanakan.	Tindakan yang diambil adalah baik.
33.3.3	Hanya 1 anak kunci peti tender disediakan. Perbadanan hendaklah menyediakan dua anak kunci yang sepatutnya dipegang oleh 2 orang pegawai kanan Perbadanan.	2 anak kunci peti tender telah disediakan dan dipegang 2 pegawai kanan.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
34.4.2	Pengurusan Pelaburan Daftar pelaburan tidak dilengkapi dengan ruangan untuk merekodkan dividen yang diterima.	Tindakan telah diambil bagi melengkapkan daftar tersebut.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.
34.5.1	Pinjaman Kerajaan Negeri Dan Persekutuan Tunggakan pinjaman Perbadanan adalah berjumlah RM82.82 juta. Perbadanan tidak membuat bayaran balik pinjaman yang telah matang mengikut jadual bayaran.	Lembaga Pengarah telah mengarahkan pengurusan Perbadanan membuat unjuran pembayaran balik pinjaman berdasarkan kemampuan. Tindakan diambil melaraskan tunggakan pinjaman.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
34.5.2	Pinjaman Dengan Institusi Kewangan Tunggakan pinjaman perbadanan dengan 3 institusi kewangan adalah berjumlah RM30.03 juta.	Perbadanan telah membuat permohonan untuk hapus kira hutang dengan bank berjumlah RM0.40 juta. Sehingga 31 Disember 2007 baki pinjaman bank adalah berjumlah RM28.29 juta.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
34.6.1 hingga 34.6.2	Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit Perbadanan hanya menyelenggara fail bagi 2 akaun amanah iaitu: Pembiayaan Kenderaan Pembiayaan Komputer Semakan Audit mendapati daftar bagi kedua-dua pembiayaan ini tidak disediakan.	Daftar bagi 2 akaun amanah ini telah disediakan.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.
34.6.3	Akaun Deposit Kelemahan dalam menyelenggara daftar deposit bagi projek perumahan di Taman Dato' Lela Maharaja.	Daftar bagi akaun deposit ini telah disediakan.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.
34.6.4	Tabung Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Perbadanan tidak mewujudkan daftar pinjaman bagi akaun Amanah tersebut.	Daftar pinjaman bagi akaun amanah ini telah disediakan.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.
34.7.1	Daftar Harta Modal Dan Inventori Daftar tersebut ada disediakan tetapi beberapa butiran penting seperti lokasi, No. siri pendaftaran, tarikh dan tandatangan pegawai bertanggungjawab tidak dilengkapi.	Daftar Harta Modal dan Inventori telah dikemas kini. Semua butiran penting telah dilengkapi.	Tindakan telah diambil dengan baik seperti yang disyorkan.
34.7.2	Pemeriksaan Tahunan Semakan di Daftar Harta Modal mendapati pemeriksaan tahunan ke atas aset dan inventori tidak dilaksanakan.	Pemeriksaan ke atas aset telah dilaksanakan.	Tindakan telah diambil seperti yang disyorkan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
34.7.3	Tanda Hak Milik Perbadanan Aset dan inventori tidak ditandakan dengan Hak Milik Perbadanan dan nombor siri pendaftaran.	Semua aset dan inventori telah di tanda Hak Milik Perbadanan dengan nombor siri pendaftaran.	Tindakan diambil dengan baik seperti yang disyorkan.
34.7.4 (c)	Penyelenggaraan Buku Log Terdapat kelemahan dalam penyelenggaraan Buku log seperti maklumat tidak kemas kini dan kegagalan dalam mematuhi arahan kerajaan.	Penyelenggaraan Buku Log telah kemas kini.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
34.7.4 (d)	Penyelenggaraan Dan Pembaikan Penyelenggaraan kenderaan di bengkel swasta telah melebihi had maksimum yang dibenarkan iaitu RM500.	Pihak PKNS telah mengambil maklum perkara ini.	PKNS hendaklah memastikan Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 tahun 1980 dipatuhi.

20.7 MAJLIS DAERAH KUALA PILAH : PENGURUSAN KEWANGAN

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
39.1.2	Manual Prosedur Kerja Majlis tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi setiap aktiviti.	Manual Prosedur Kerja Majlis masih dalam proses penyediaan.	Majlis sedang berusaha untuk mematuhi peraturan.
39.1.3	Fail Meja Hanya 3 kakitangan Majlis daripada 3 Jabatan yang ada menyelenggarakan Fail Meja. Dua daripada 3 Fail Meja ini tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana tidak mengandungi elemen yang ditetapkan.	Secara keseluruhannya, semua kakitangan Majlis telah menyediakan Fail Meja yang terkini mengandungi elemen yang ditetapkan.	Majlis telah mematuhi peraturan.
39.1.4	Senarai Tugas Hanya sebahagian kakitangan Majlis mempunyai senarai tugas.	Semua kakitangan Majlis telah disediakan senarai tugas yang sepatutnya.	Peraturan telah dipatuhi.
39.1.9	Unit Audit Dalam Unit Audit Dalam di Majlis Daerah Kuala Pilah belum diwujudkan.	Sehingga kini Unit Audit Dalam Majlis belum diwujudkan.	Majlis gagal mewujudkan mekanisme yang dapat mengesan kelemahan kawalan dalaman.
39.2.5	Peti Besi Peti besi hanya mempunyai satu kunci sahaja dan dipegang oleh Penolong Akauntan.	Majlis telah pun membuat pendua bagi kunci peti besi dan diserahkan kepada Setiausaha Majlis.	Majlis telah mengambil tindakan serta mematuhi peraturan.
39.2.7	Daftar Mel Nombor resit tidak dicatat pada Daftar Mel bagi penerimaan wang melalui pos. Daftar Mel telah diperiksa dan disemak	Daftar Mel bagi penerimaan wang melalui pos ini diselenggarakan oleh Jabatan Kewangan dan	Majlis telah mematuhi peraturan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulaskan Audit
	oleh pegawai penyelia tetapi pemeriksaan dibuat tanpa merujuk kepada buku tunai.	setiap penerimaan ini akan dicatat nombor resitnya di dalam Daftar Mel berkenaan dan seterusnya pemeriksaan dibuat oleh penyelia dengan merujuk kepada buku tunai.	
39.2.8	Serahan Wang Ke Bank Pegawai yang menyemak wang kutipan tidak menandatangani slip bayar masuk bank selepas memasukkan wang ke bank bagi menentukan jumlah sebenar yang telah diserahkan ke bank.	Slip bayar masuk bank kutipan Majlis disemak sebanyak 2 kali sebelum wang kutipan dihantar ke bank dan selepas wang dihantar ke bank dan seterusnya menandatangani slip tersebut.	Majlis telah mematuhi peraturan.
39.2.9	Pemeriksaan Mengejut Pemeriksaan mengejut tidak dilakukan oleh Pegawai Kanan dan Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggara.	Jabatan Kewangan telah menyediakan Daftar Pemeriksaan Mengejut dan Setiausaha Majlis telah melakukan pemeriksaan mengejut sebanyak 6 kali di Jabatan Kewangan pada tahun 2007.	Majlis telah mematuhi peraturan.
39.2.10	Sewaan <ul style="list-style-type: none"> • Majlis memiliki 183 unit gerai dan 50 unit daripadanya adalah kosong. • Berlaku kelewatan memproses permohonan sewa gerai sehingga 6 bulan. • Majlis tidak menyelenggara Daftar Permohonan Sewa. • Surat Perjanjian tidak ditandatangani antara Majlis dan penyewa. • Tidak semua penyewa dikenakan deposit dan kadar deposit tidak ditetapkan. <p>i) Pasar Malam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewa tapak bagi 4 lokasi pasar malam tidak dikutip oleh Majlis tetapi kerja-kerja pembersihan dilakukan oleh Majlis. • Majlis tidak menyelenggara Daftar Peniaga Pasar Malam. <p>ii) Pasar Tani</p> <ul style="list-style-type: none"> • Majlis tidak menerima hasil daripada kedua-dua tapak pasar tani tetapi kerja-kerja 	<ul style="list-style-type: none"> • Daripada 50 unit gerai yang kosong, 34 unit telah diisi dan 16 lagi masih kosong. Kekosongan adalah kerana keadaan bangunan gerai uzur dan perlu dibaiki. Pembaikan ini akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan peruntukan dan kewangan Majlis. • Masalah kelewatan memproses permohonan lesen ini telah diatasi dengan memberi kelulusan secara terus dengan kadar serta merta setelah temuduga diadakan apabila permohonan dikemukakan dan lesen sah dikeluarkan selepas 7 hari bekerja selepas akuan penerimaan permohonan diperolehi. • Bagaimanapun, pemohon diberi tempoh 60 hari bagi mematuhi syarat dan keperluan pelesenan yang telah ditetapkan dan sekiranya selepas dari tempoh tersebut pemohon masih gagal mematuhi 	Majlis telah mematuhi peraturan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
	<p>pembersihan dilakukan oleh Majlis.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Majlis tidak menyelenggara Daftar Peniaga Pasar Tani. <p>iii) Pasar Petang dan Pasar Bulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Majlis tidak mengutip apa-apa hasil daripada peniaga di Pasar Petang dan Pasar Bulan. 	<p>syarat tersebut, tindakan menggantung atau membatalkan lesen akan dilaksanakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Daftar Permohonan Sewa bagi gerai-gerai milik Majlis telah disediakan secara manual. • Surat Perjanjian baru yang telah dibuat penambahbaikan telah hampir 60% ditandatangani. <p>Dalam surat perjanjian baru, semua penyewa telah dikenakan deposit dengan kadar 3 bulan sewa.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kutipan hasil dan sewa tapak bagi pasar yang dinyatakan, satu perbincangan akan diadakan dengan pengusaha sedia ada bagi mengenakan bayaran sebanyak RM350 sebulan. ▪ Daftar Peniaga Pasar disediakan tetapi tidak direkod mengikut kategori yang berkaitan dan sedang dikemas kini. 	
39.2.11	<p>Penerimaan Hasil Lesen Peniaga di Pasar Malam Juasseh, Pasar Malam Kuala Pilah, Pasar Malam Jalan Yam Tuan, Pasar Tani Kuala Pilah, Pasar Petang Jalan Bahau dan Pasar Bulan Pekan Johol tidak memiliki lesen perniagaan sepanjang tahun 2006.</p>	<p>Jabatan Pelesenan telah pun mengeluarkan arahan kepada peniaga pasar seperti yang dinyatakan untuk menjelaskan lesen pasar berkenaan dengan kadar berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Peniaga yang menjalankan perniagaan 1 tempat dikenakan bayaran RM43 setahun. Peniaga yang berniaga lebih dari 1 tempat tetapi tidak lebih dari 3 tempat dikenakan bayaran RM60 setahun. Peniaga yang berniaga lebih dari 3 tempat tetapi tidak melebihi 6 tempat dikenakan bayaran RM120 setahun. 	Majlis telah mematuhi peraturan.
39.3.2	<p>d) Pesanan Tempatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pesanan tempatan yang belum digunakan tidak disimpan di 	<ul style="list-style-type: none"> • Pesanan tempatan yang masih belum digunakan disimpan di dalam stor di 	Majlis sedang berusaha mengemas kini rekod.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
	<p>tempat yang selamat.</p> <ul style="list-style-type: none"> Salinan ketiga borang pesanan tempatan tidak disimpan mengikut nombor siri. 	<p>Jabatan Pentadbiran dan diuruskan oleh seorang pegawai yang menjaga stor.</p> <ul style="list-style-type: none"> Manakala pesanan tempatan yang ada dalam simpanan pegawai yang menyediakan pesanan tempatan bagi setiap pembelian di semua Jabatan di Majlis telah diarah untuk menyimpannya di tempat yang selamat. Memandangkan setiap Jabatan di Majlis melaksanakan sendiri perolehan maka pengeluaran pesanan tempatan bagi pembelian dikeluarkan sendiri oleh setiap Jabatan di Majlis dan hanya dikemukakan untuk penyediaan cek di Jabatan Kewangan, salinan ketiga pesanan tempatan ini tidak dapat disimpan mengikut nombor siri. Namun demikian, Jabatan Kewangan akan berusaha untuk menyimpan salinan ketiga pesanan tempatan ini seperti yang sepatutnya. 	
39.3.3	<p>b) Daftar Bil Daftar Bil yang diselenggara tidak lengkap kerana masih terdapat beberapa perkara tidak dicatat seperti tarikh baucar disediakan dan tarikh baucar dihantar untuk pembayaran.</p>	Daftar Bil ini telah dikemas kini seperti yang sepatutnya.	Peraturan telah dipatuhi.
39.4.1	<p>Deposit Majlis tidak menyelenggarakan Akaun Individu bagi setiap jenis deposit yang diterima.</p>	Majlis telah menyelenggarakan Akaun Individu secara manual bagi setiap jenis deposit yang diterima.	Peraturan telah dipatuhi.
39.5.2	<p>Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori Majlis tidak menyediakan Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori.</p>	Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori telah pun disediakan dan akan dikemas kini dari masa ke semasa.	Majlis sedang berusaha mengemas kini rekod.
39.5.3	<p>Pemeriksaan Fizikal</p> <ul style="list-style-type: none"> Tatacara Pengurusan Stor perenggan 238 hingga 240 	Unit Pengurusan Aset Majlis baru ditubuhkan. Oleh itu,	Majlis sedang berusaha mengemas kini rekod.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
	<p>yang menghendaki Ketua Jabatan membuat pemeriksaan terhadap harta modal dan inventori tidak dilaksanakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi harta modal atau inventori tidak dicatat dalam Daftar Harta Modal dan Inventori. • Majlis tidak member nombor siri pendaftaran pada setiap harta modal dan inventori dalam Daftar yang berkenaan dan juga pada setiap harta modal dan inventori berkaitan. 	<p>Majlis masih dalam proses menyediakan jadual dan menyusun perkara-perkara yang sepatutnya dilaksanakan.</p> <p>Proses pengekodan sedang dilaksanakan dan dikemas kini.</p> <p>Setakat ini proses menandakan nombor siri pada setiap harta modal dan inventori yang berkenaan sedang dilaksanakan dan dikemas kini mengikut ketetapan Tatacara Pengurusan Stor.</p>	
39.5.5	<p>Pengurusan Aset dan Stor Majlis Stor Majlis berada dalam keadaan yang berselerak dan tidak tersusun.</p>	<p>Penambahbaikan di Stor Ulu Maasop secara keseluruhan telah dilaksanakan secara berperingkat dan penyusunan barang-barang mengikut ketetapan seperti di dalam Tatacara Pengurusan Stor telah dan sedang dilaksanakan.</p>	<p>Majlis sedang berusaha memperbaiki pengurusan stor.</p>
39.5.6	<p>a) Buku Log Perkara-perkara berikut tidak dicatat dalam buku log kenderaan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • jadual penyenggaraan • nama dan tandatangan pegawai yang member kuasa • maklumat tayar <p>(b) Penyenggaraan Kenderaan Kos pembaikan dan penyenggaraan kenderaan tidak direkodkan.</p>	<p>Majlis telah mengambil langkah untuk merekodkan perkara-perkara yang dinyatakan tersebut.</p> <p>Kos pembaikan dan penyenggaraan kenderaan telah direkodkan dan dikemas kini dari masa ke semasa.</p>	<p>Majlis sedang berusaha mengemas kini rekod.</p>
	<p>c) Depoh Kenderaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Majlis tidak mempunyai depoh kenderaan. • Kunci kenderaan di Stor Jalan Senaling diletakkan di tempat yang tidak selamat dan tiada pengawasan oleh pegawai Majlis. 	<p>Majlis tidak mempunyai tapak depoh kenderaan.</p> <p>Majlis telah melantik pegawai yang bertanggungjawab bagi menjaga kunci-kunci kenderaan ini.</p>	<p>Majlis telah berusaha memperbaiki keadaan.</p>

20.8 PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI : GRAND LAUNCH SDN. BHD.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
44.1	<p>Struktur Organisasi Fungsi bahagian yang diwujudkan oleh GLSB adalah tidak jelas. Pelantikan Lembaga Pengarah dan Setiausaha adalah tidak teratur kerana tidak mengikut peraturan.</p>	<p>Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah PKNNS, syarikat ini telah diberhentikan operasinya sejak Julai 2003. Syarikat tidak meneruskan operasinya kerana kekurangan tunai bagi membiayai aktiviti syarikat. Syarikat telah tidak aktif. Hanya Lembaga Pengarah sahaja dilantik. Perjawatan di GLSB tidak diisi.</p>	<p>Syarikat telah diberhentikan operasinya sejak Julai 2003. Selaras dengan syor Lembaga Pengarah, Pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan tidak berhasrat mengaktifkan semula aktiviti syarikat</p>
44.2	<p>Visi Dan Misi Syarikat GLSB tidak mempunyai perancangan untuk menentukan hala tuju masa depan. Visi dan misi syarikat tiada sejak syarikat ditubuhkan</p>	<p>Tiada visi dan misi.</p>	<p>Tidak memuaskan kerana masih tiada tindakan diambil.</p>
44.3	<p>Aktiviti GLSB Tiada perancangan terhadap aktiviti bagi tempoh 2004 hingga 2006.</p>	<p>Keperluan sumber manusia tidak berfungsi.</p>	<p>Tidak memuaskan kerana masih tiada tindakan diambil.</p>
44.4	<p>Pemantauan Aktiviti Pemantauan aktiviti GLSB adalah tidak memuaskan kerana tiada bukti tindakan mengatasi diambil di peringkat ahli Lembaga syarikat dan Perbadanan.</p>	<p>Ahli Lembaga Pengarah syarikat masih bermesyuarat. Pada tahun 2007 sebanyak 2 mesyuarat lembaga pengarah diadakan.</p>	<p>Tidak memuaskan kerana masih tiada tindakan diambil.</p>
44.5	<p>Sumber Manusia Dan Latihan Pengurusan sumber manusia dan latihan adalah tidak memuaskan. Keperluan sumber manusia yang ditetapkan tidak dibuat dan latihan yang sewajarnya tidak diberikan.</p>	<p>Syarikat tidak menjalankan operasinya lagi. Tiada kakitangan yang dilantik.</p>	<p>Tidak memuaskan kerana masih tiada tindakan diambil.</p>
44.6	<p>Pengurusan Aset Pengurusan aset adalah tidak memuaskan kerana aset tidak di rekod.</p>	<p>Ahli Lembaga Pengarah bersetuju supaya aset-aset dijual dan dikeluarkan. Pemeriksaan Audit mendapati tiada pemantauan mengenai pelupusan aset.</p>	<p>Tidak memuaskan kerana tiada sebarang bukti menunjukkan aset telah dijual.</p>
44.7	<p>Bajet Penyediaan bajet bagi tahun 2004 hingga 2006 tidak disediakan dan perancangan syarikat bagi tempoh 5 tahun juga tidak disediakan.</p>	<p>Tiada bajet disediakan bagi kewangan 2007 dan 2008 kerana syarikat telah tidak beroperasi.</p>	<p>Tidak memuaskan kerana tiada tindakan diambil.</p>

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat April 2008	Ulasan Audit
44.8	<p>Garis Panduan Kewangan GLSB tidak menyimpan rekod perakaunan seperti buku tunai, lejar am, rekod liabiliti, rekod aset dan inventori, penyata penyesuaian bank dan daftar bil. Daftar panjar wang runcit tidak diselenggarakan. Kuasa menandatangani baucar tidak dinyatakan secara bertulis.</p>	Rekod perakaunan bagi tahun yang diaudit masih tidak di selenggara.	Tidak memuaskan kerana tiada tindakan diambil untuk menyelenggara rekod perakaunan tersebut.
44.9	<p>Penubuhan Audit Dalam Unit Audit Dalam di peringkat syarikat belum diwujudkan. Unit Audit Dalam di Perbadanan walaupun telah ditubuhkan pada 2002 masih berfungsi. Kelemahan dalam pengendalian GLSB tidak dapat dikemukakan di peringkat Lembaga Pengarah.</p>	Tiada penubuhan Unit Audit Dalam.	Arahan Pekeliling Am Bil.3 Tahun 1998 tidak dipatuhi.
44.10	<p>Penubuhan Jawatankuasa Audit Perbadanan tidak mewujudkan Jawatankuasa Audit menyebabkan keberkesanan aktiviti anak syarikat tidak memuaskan.</p>	Tiada penubuhan Jawatankuasa Audit.	Arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 tidak dipatuhi.
44.11	<p>Pengurusan Risiko GLSB gagal menyediakan pelan pengurusan risiko.</p>	Tiada pengurusan risiko disediakan.	Tidak memuaskan kerana tiada tindakan diambil.
44.12	<p>Prestasi Kewangan GLSB sudah tidak aktif kerana tiada pendapatan diperoleh bagi tempoh 2004 - 2005. GLSB terpaksa menanggung kos pentadbiran dan operasi.</p>	Tiada pendapatan di peroleh kerana syarikat telah tidak beroperasi.	Kurang memuaskan kerana GLSB telah tidak beroperasi.

BAHAGIAN VII
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

21. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2006 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 30 November 2007.

22. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2004 dan sedang membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2005 dan 2006. Jawatankuasa telah bermesyuarat 2 kali pada tahun 2007 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2005 dan 2006. Jawatankuasa juga telah menjemput Ketua Jabatan yang berkenaan supaya memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah dari semasa ke semasa mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam
Negeri Sembilan Sepanjang Tahun 2007

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
20.11.2007	Perbendaharaan Negeri	<p>Perbincangan mengenai perancangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam bagi tahun 2007 iaitu menetapkan tarikh mesyuarat serta laporan yang akan dibincangkan sepanjang tahun.</p> <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006</u> Pengurusan Kewangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kawalan Hasil 2) Kawalan Perbelanjaan 3) Pengurusan Pinjaman 4) Pengurusan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah / Deposit
18.12.2007	Jabatan Bekalan Air	<p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005</u> Pengurusan Kewangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kawalan Pengurusan 2) Kawalan Hasil 3) Kawalan Perbelanjaan 4) Pengurusan Akaun Amanah/Deposit 5) Pengurusan Aset

PENUTUP

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan dan pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembedahan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 2007 telah menunjukkan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri di tahap yang memuaskan namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai, mematuhi standard perakaunan dan prosedur kewangan, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembedahan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

6 Jun 2008



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2007.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'A' followed by a long horizontal stroke.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

6 Jun 2008

Lampiran II

Lembaran Imbangan seperti pada 31 Disember 2007

Penyata	Nota	2007 RM	2006 RM	
WANG AWAM				
A	WANG TUNAI	7	168,262,384.46	100,185,753.78
B	PELABURAN	8	23,359,373.66	23,442,436.96
			<hr/>	<hr/>
			191,621,758.12	123,628,190.74
DIPEGANG BAGI:				
KUMPULAN WANG DISATUKAN				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	9	95,018,977.58	115,335,931.40
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	10	0.00	60,782,670.41
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	11	96,602,780.54	(52,490,411.07)
			<hr/>	<hr/>
			191,621,758.12	123,628,190.74

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan


DATO' AB. RADZAK BIN AB. RAHMAN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN


AZAL BIN ADZHAR
BENDAHARI NEGERI
NEGERI SEMBILAN

PERBENDAHARAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN
29 FEBRUARI 2008

Lampiran III

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai seperti pada 31 Disember 2007

TERIMAAN		Kemaskini	
		(RM)	(RM)
Hasil	Penyata C		
Hasil Cukai		109,351,447.65	
Terimaan Bukan Cukai		53,924,881.71	
Hasil Bukan Cukai		88,007,345.88	
			251,283,675.24
Pinjaman	Penyata D		
Pinjaman Dalam Negeri		150,905,458.00	
Pinjaman Luar Negeri		-	150,905,458.00
Terimaan Modal	Penyata B/E		
Pelbagai Terimaan Amanah		2,038,114,919.88	2,038,230,603.53
			<u>2,440,419,736.77</u>
Jumlah Terimaan			
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus	Penyata C		
Emolumen		79,735,534.89	
Aset		6,367,764.02	
Perbelanjaan Lain		1,100,597.12	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap		112,405,704.93	
Perkhidmatan Dan Bekalan		71,991,028.10	
			271,600,629.06
Perbelanjaan Pembangunan	Penyata E		
Langsung		91,598,332.08	
Pinjaman		-	91,598,332.08
Perbelanjaan Modal	Penyata B		
Pembelian Instrumen Kewangan		32,620.35	32,620.35
Bayaran Balik Pinjaman	Penyata D		
Pinjaman Dalam Negeri		14,844,189.34	
Pinjaman Luar Negeri		377,705.12	211,688,128.41
Lain-Lain Bayaran	Penyata E		
Bayaran Amanah		1,933,899,630.14	1,933,899,630.14
Jumlah Bayaran			<u>2,372,343,106.09</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			68,076,630.68
Wang Tunai Pada 01 Januari 2007	Penyata A		100,185,753.78
JUMLAH WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2007			<u><u>168,262,384.46</u></u>

Lampiran IV

Penyata Akaun Memorandum

seperti pada 31 Disember 2007

Penyata	Nota	2007 RM	2006 RM
F ASET			
1. Pinjaman Boleh Tuntut	12 (i)	365,918,846.37	354,015,478.72
2. Tunggakan Hasil	12 (ii)	58,851,506.61	53,146,357.67
3. Pelaburan	12 (iii)	4,800,000.00	4,800,000.00
4. Lain-lain pelaburan	12 (iv)	1,821,887.00	21,671,887.00
G TANGGUNGAN			
1. Hutang Awam	13 (i)	1,848,839,355.63	1,687,742,989.82

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan



DATO' AB. RADZAK BIN AB. RAHMAN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN



AZAL BIN ADZHAR
BENDAHARI NEGERI
NEGERI SEMBILAN

PERBENDAHARAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN
29 FEBRUARI 2008

Lampiran V

C Penyata Akaun Hasil Disatukan
seperti pada 31 Disember

Perihal	2007			2006	
	Belanjawan	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan
BAKI PADA 1 JANUARI		115,335,931.40		140,595,517.53	
I HASIL					
Hasil Cukai	107,455,000.00	109,351,447.65	101.76	100,635,042.79	94.39
Hasil Bukan Cukai	61,512,500.00	88,007,345.88	143.07	195,694,390.39	97.93
Terimaan Bukan Hasil	46,196,900.00	53,924,881.71	116.73	44,867,545.23	124.35
Jumlah Hasil	215,164,400.00	251,283,675.24	116.79	341,196,978.41	99.61
II PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	85,745,194.64	79,735,534.89	92.99	72,355,332.48	95.93
Perkhidmatan Dan Bekalan	76,811,616.61	71,991,028.10	93.72	63,397,826.18	96.71
Aset	6,840,215.00	6,367,764.02	93.09	5,427,521.62	92.14
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	127,625,743.00	112,405,704.93	88.07	222,193,789.53	95.08
Perbelanjaan Lain	1,104,130.75	1,100,597.12	99.68	3,082,094.73	90.75
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	298,126,900.00	271,600,629.06	91.10	366,456,564.54	95.44
Lebihan /(Defisit) Bagi Tahun (I - II)	(82,962,500.00)	(20,316,953.82)		(25,259,586.13)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		95,018,977.58		115,335,931.40	

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING

1. Dasar Perakaunan

Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

2. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan disediakan berasaskan tunai ubahsuai.

3. Kaedah Perakaunan

Kaedah perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan 2 konsep seperti terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

- (a) Konsep Kumpulanwang Negeri Disatukan yang berpunca daripada keperluan bahawa segala hasil dan wang yang didapatkan atau diterima kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam seumpamanya dimasukkan serta menjadi satu kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Disatukan bagi negeri itu (Fasal 97(2)); dan
- (b) Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104).

Dewan Undangan Negeri memberi kuasa melakukan pembayaran daripada Kumpulanwang Disatukan melalui Akta Perbekalan Tahunan dan Akta Perbekalan Tambahan serta undang-undang lain. Kuasa membelanja yang dibenarkan melalui Akta Perbekalan adalah untuk maksud yang ditetapkan serta amaun maksima yang baginya ia dibenarkan.

4. Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata-penyata Akaun yang disediakan adalah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) seperti berikut:

- (a) Akaun Hasil Disatukan
- (b) Akaun Pinjaman Disatukan
- (c) Akaun Amanah Disatukan
- (d) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- (e) Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan tanggungan

5. Entiti Perakaunan

Sebagai sebuah entiti perakaunan, Kerajaan Negeri adalah termasuk semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk badan-badan berkanun dan syarikat milik Kerajaan.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Seksyen 3 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) adalah suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

LEMBARAN IMBANGAN

7. Wang Tunai – Penyata A

Wang Tunai adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank termasuk Simpanan Tetap.

- (a) Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah membuat pelarasan perbezaan baki antara buku tunai dan bank sebagaimana yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank.

Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

8. Pelaburan – Penyata B

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Lembaran Imbangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulanwang Disatukan.

Tiga daripada empat saham milik Kerajaan Negeri yang disenaraikan dalam Penyata B telah dicagarkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen untuk membiayai pinjaman bagi pembelian tanah di Felda Sendayan iaitu Saham Malaysia Airports Holdings Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

9. Akaun Hasil Disatukan – Penyata C

(a) Akaun Hasil – Penyata C1

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

(b) Perbelanjaan Mengurus – Penyata C2

Perbelanjaan Bekalan

Semua kenaikan peruntukan Belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan dianggap sebagai perbelanjaan.

Terimaan balik terlebih bayaran yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

Perbelanjaan Tanggungan

Perbelanjaan tanggungan terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut undang-undang Negeri. Ia termasuk pencen kerabat dan bayaran balik

pinjaman.

Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan ke Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dimasukkan dalam Akta Perbelanjaan Bekalan kerana tanggungan telah sedia dibenarkan oleh undang-undang.

10. Akaun Pinjaman Disatukan – Penyata D

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan yang lain di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayarannya diakaunkan dalam Akaun Pinjaman. Terimaan dari pinjaman untuk pembiayaan projek dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Bagi pinjaman yang diterima untuk pembangunan bekalan air pada tahun 2007 akan dipindahkan ke Akaun Wang Amanah Pembangunan Bekalan Air.

11. Akaun Amanah Disatukan – Penyata E

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan terimaan dan bayaran berikut:

- Semua wang yang diterima dan dibayar oleh mana-mana kumpulanwang amanah mengikut terma dan peraturan yang dinyatakan dalam suratcara amanah (Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957).
- Apa-apa wang pelbagai yang diamanahkan kepada seseorang pegawai awam tertakluk kepada kuasa yang diberi melalui arahan amanah (Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957) dan termasuklah penerimaan dan pembayaran wang deposit.

Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

Akaun Amanah Disatukan dikategorikan seperti berikut:

(i) Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Kumpulanwang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972). Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada:

- **Kumpulanwang Pembangunan – Penyata E1a**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dan urusan yang berkaitan dengannya diakaunkan dalam Akaun Kumpulanwang Pembangunan.

Terimaan bagi Kumpulanwang ini adalah terdiri daripada pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulanwang ini.

Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk tujuan tertentu mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966.

- **Kumpulanwang Amanah Bekalan Air – Penyata E1b**

Kumpulanwang Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Akta 20/1960 serta menerima pakai Akta 230/1980 bagi tatacara kewangan dan perakaunan mengikut Arahan Amanah Jabatan Bekalan Air.

- **Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan – Penyata E1c**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 10 bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian

daripada kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan. Sumber kewangan Kumpulanwang ini adalah peruntukkan daripada Kerajaan Negeri.

Akaun Kena Bayar juga merupakan salah satu akaun di bawah Kumpulanwang Amanah Kerajaan. Ia adalah jumlah yang terhutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan di mana bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun kewangan berikutnya.

(ii) Kumpulanwang Amanah Awam – Penyata E2

Kumpulanwang Amanah Awam adalah terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah Akta yang berkaitan dan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 9 dan Seksyen 10. Kumpulanwang ini mengakaunkan terimaan dari Kerajaan Persekutuan dan orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan tertentu.

- **Kumpulanwang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan**

Kumpulanwang ini ditubuhkan melalui ketetapan (usul) Dewan Undangan Negeri. Terimaan Kumpulanwang ini adalah dari sumber pemberian Kerajaan Persekutuan. Kumpulanwang ini digunakan untuk membiayai kos penyelenggaraan semua jalan negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan.

- **Akaun Amanah Kelas Mengaji Al-Quran dan Fardu Ain Negeri Sembilan (KAFA)**

Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan mengakaunkan terimaan peruntukan daripada JAKIM dan lain-lain sumber untuk membiayai aktiviti mengurus

Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

KAFA seperti yang termaktub di dalam Arahan Amanah berkaitan.

- **Akaun Amanah Sumbangan Geran Infrastruktur Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)**

Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan menerima sumbangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta sumber lain bagi maksud perumahan awam kos rendah untuk membiayai kos projek PAKR yang melebihi RM25,000 seunit, bayaran Juru Perunding dan lain-lain bayaran yang berkaitan dengan sumbangan infrastruktur.

- **Akaun Amanah Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN)**

Akaun Amanah ini ditubuhkan susulan dari keputusan Jemaah Menteri pada 9 Januari 2002. Geran pelancaran sebanyak RM1juta telah diterima daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan untuk penubuhan MTPN, Negeri Sembilan. Sumber dalam akaun ini adalah bertujuan membiayai operasi pelancongan tahunan Kerajaan Negeri.

(iii) Deposit – Penyata E3

Akaun deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau perjanjian.

AKAUN MEMORANDUM

12. Aset – Penyata F

(i) Pinjaman Boleh Dituntut – Penyata F1

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan

Negeri dan Agensi Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber Negeri dan Sumber Persekutuan.

(ii) Tunggakan Hasil – Penyata F2

Hasil yang sepatutnya dipungut oleh pejabat pemungut tetapi tidak dapat dikutip sehingga akhir tahun kewangan.

(iii) Pelaburan – Penyata F3

Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Memorandum.

Satu daripada dua saham milik Kerajaan Negeri yang disenaraikan dalam Penyata F3 telah dicagarkan kepada Kumpulanwang Amanah Pencen untuk membiayai pinjaman bagi pembelian tanah di Felda Sendayan iaitu saham Petronas Dagangan Berhad.

(iv) Lain-lain Pelaburan – Penyata F4

Pelaburan dipegang oleh Menteri Besar Incorporation (MBI).

13. Tanggungan

(i) Hutang Kerajaan Negeri – Penyata G

Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan lain untuk membiayai projek-projek pembangunan Negeri, Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Agensi Negeri.